

EDISI KHAS SEMPENA HARI KEPUTERAAN DULI YANG MAHA MULIA  
TUANKU MUHRIZ IBNI ALMARHUM TUANKU MUNAWIR KE- 77

**NegeriKita**  
Wadah Informasi Anda



**DAULAT TUANKU**  
RAJA DAN RAKYAT BERPISAH TIADA

**Analisa**

# Keserasian pihak Istana dan pentadbiran Kerajaan Negeri kunci utama kejayaan Negeri Sembilan



**TANGGAL** 14 Januari setiap tahun adalah hari untuk rakyat Negeri Sembilan bersama-sama menyambut Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Muhriz ibni Almarhum Tuanku Munawir. Suasana di Negeri Sembilan menyambut hari ini lain dari yang lain.

DYMM Tuanku Muhriz adalah sosok raja yang sentiasa dekat di hati rakyat. Rata-rata rakyat Negeri Sembilan dapat merasakan sentuhan dari DYMM Tuanku Muhriz dan Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan.

DYMM Tuanku Muhriz seorang raja yang bertakhta di hati rakyat adalah kerana cara dan gaya santunan Baginda bersama rakyat. Baginda sangat dekat dengan perkara-perkara kebiasaan rakyat seperti makanan, aktiviti sukan, aktiviti kerohanian dan banyak lagi yang menyebabkan DYMM Tuanku Muhriz dan Tunku Ampuan Besar sangat mudah didekati rakyat.

Beberapa fakta asas yang perlu kita tahu tentang DYMM Tuanku Muhriz. Baginda adalah Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan yang ke sebelas. Baginda dipilih sebagai Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan pada 29 Disember 2008, menggantikan Almarhum Tuanku Ja'afar.

Pemilihan Baginda adalah unik kerana ia berdasarkan sistem pemilihan tradisional Negeri Sembilan yang melibatkan permesyuaratan Undang yang empat. DYMM Tuanku Muhriz telah mendapat

pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Tunku Kurshiah dan kemudiannya melanjutkan pelajaran di Sekolah Menengah King George V, Seremban.

DYMM Tuanku Muhriz juga merupakan alumni dari University College of Wales, Aberystwyth, di mana Baginda memperoleh ijazah dalam bidang Undang-Undang.

DYMM Tuanku Muhriz adalah anakanda kepada Almarhum Tuanku Munawir, Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan ke-9. Baginda juga adalah cucu kepada Almarhum Tuanku Abdul Rahman, yang merupakan Yang di-Pertuan Agong pertama Malaysia. Susur galur keluarga DYMM Tuanku Muhriz sememangnya memberikan kelebihan kepada Baginda menjadi lebih mudah untuk mentadbir sebuah kerajaan.

Selain daripada peranan sebagai Yang di-Pertuan Besar, Baginda juga aktif dalam pelbagai kegiatan sosial dan kebajikan. Baginda sering menekankan kepentingan aspek pendidikan, pembangunan masyarakat dan hal ehwal Agama Islam.

DYMM Tuanku Muhriz juga dikenali sebagai seorang pemimpin yang bersikap rendah diri dan sederhana. Baginda dihormati kerana pendekatannya yang mesra dan dekat dengan rakyat.

Setiap tahun, DYMM Tuanku Muhriz akan turun mencemar duli di Pesta Bola Ngoca yang

telah menjadi acara tahunan di Seri Menanti. Acara ini adalah simbolik sukan rakyat yang menggambarkan identiti rakyat Negeri Sembilan. Begitulah rapatnya DYMM Tuanku Muhriz dengan rakyat jelata.

YAB Dato' Seri Utama Menteri Besar sentiasa berdampingan rapat dengan DYMM Tuanku Muhriz dalam mencerminkan pemerintahan beraja di Negeri Adat Perpatih ini berjalan dengan baik.

DYMM Tuanku Muhriz sentiasa memberikan titah nasihat dan panduan kepada Kerajaan Negeri dalam memastikan pentadbiran negeri ini tidak tersasar dan sentiasa mementingkan rakyat dalam setiap keputusan yang dibuat.

Hasilnya, tiga tahun berturut-turut Negeri Sembilan mencatat rekod Belanjawan Surplus dengan pencapaian pendapatan tertinggi negeri berjumlah RM636 juta pada tahun 2024.

Pencapaian ini bukan hanya usaha dari pihak Badan Eksekutif Negeri sahaja, tetapi penglibatan Baginda yang sangat teliti dalam memantau perjalanan Kerajaan Negeri telah membawa hasil yang dapat dilihat pada hari ini.

Benarlah apa yang dikatakan "Raja dan Rakyat berpisah tiada". Semoga DYMM Tuanku Muhriz kekal di atas takhta dengan keafiatan dan terus memimpin rakyat Negeri Sembilan.

Daulat Tuanku.

## Naratif Kito

### Raja dan Rakyat Berpisah tiada

Ketua Editor:

**Ahmad Shahir Mohd Shah**

Setiausaha Akhbar YAB Menteri Besar Negeri Sembilan

"**Sebaik-baik** pemimpin kamu adalah mereka yang kamu cintai dan mereka mencintai kamu, mereka yang mendoakan kamu dan kamu mendoakan mereka." (Riwayat Bukhari dan Muslim)

Menjadi seorang rakyat Malaysia, wajib mematuhi rukun negara Kesetiaan Kepada Raja dan Negara. Rukun ini selari dengan ajaran Islam yang menyuruh kita meletakkan ketaatan dan kesetiaan kepada pemimpin dan sayang kepada negara.

Baginda Nabi SAW sangat mencintai Makkah kerana itu tanah air kelahiran baginda. Itulah indahnya ajaran Islam.

Di Negeri Sembilan, kita mempunyai Yang di-Pertuan Besar selaku Sultan Negeri dan YAB Menteri Besar selaku Ketua Badan Eksekutif negeri. Maka, dua sosok ini adalah pemimpin utama negeri yang akan memacu negeri ini.

Seberat manapun cabaran yang menimpa negeri ini, dua insan yang Allah pilih ini akan memastikan kedaulatan dan keselamatan rakyat wajib diutamakan.

Beban amanah ini bukan sekadar pangkat yang menjadi kebanggaan. Tetapi ia adalah tanggungjawab yang di bawahnya ada jutaan rakyat yang mempunyai pelbagai masalah dan kerentah.

Jadi, dimanakah kekuatan mereka sebenarnya? Selain dari kekuatan akal, fizikal dan pengalaman dalam pentadbiran, ada satu kekuatan yang memberikan kelebihan kepada mereka iaitu doa dari rakyat.

Saya petik satu dialog antara seorang ulama dan anak muridnya yang memberi tunjuk ajar kepada kita tentang makna di sebalik mendoakan pemimpin.

Fudhail bin 'Iyadh mengucapkan sebuah pernyataan, "Seandainya aku memiliki satu doa yang pasti terkabul, tidak akan aku gunakan kecuali untuk kebaikan pemimpin."

"Kemudian beliau ditanya, "Wahai Fudhail, terangkan kepada kami hal itu!" Beliau menjawab, "Jika kugunakan doa itu untuk diriku sendiri, manfaatnya hanya untuk diriku."

Namun, jika aku gunakan untuk mendoakan pemimpin, dia akan menjadi baik, dan akan menjadi baik pula para rakyat dan negeri-negeri."

Ketika mendengar kalimat-kalimat al-Fudhail bin 'Iyadh, Imam Abdullah ibnul Mubarak rahimahullah kagum.

Kemudian, ia pun mencium keping al-Fudhail seraya berkata kepadanya, "Wahai pembimbing kebaikan, siapa lagi yang boleh seperti ini selainmu?" (Hilyatul Auliya` 8/91—92).

Semoga Allah merahmati pemerintahan DYMM Tuanku Muhriz



# Daulat Tuanku



*Merasak Sembah dan Setinggi-Tinggi Tahniah.*


**DYMM YANG DI-PERTUAN BESAR NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS  
TUANKU MUHRIZ IBNI ALMARHUM TUANKU MUNAWIR**

D.K., D.MN, D.K. (Perak), D.K. (Perlis), D.K. (Selangor), D.K. (Kedah), D.K (Kelantan)  
, D.K. (Johor ), D.K. (Terengganu), D.K.Y.R., P.P.T.

**SEMOGA ALLAH MEMBERKATI PEMERINTAHAN KEBAWAH DULI TUANKU  
SEMPENA HARI KEPUTERAAN KE-77**

PADA

**14 JANUARI 2025 (14 REJAB 1446 HIJRAH)**



*Sembah Takzim Daripada*



**YAB Dato' Seri Utama Haji Aminuddin Harun  
Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus**

&  
**Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri,  
Negeri Sembilan**

# Anwar umum kenaikan subsidi tiket penerbangan mahasiswa

**SHAH ALAM:** Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim mengumumkan kenaikan subsidi tiket penerbangan mahasiswa daripada RM300 kepada RM400.

"Kerajaan Persekutuan memberi penekanan mengenai inisiatif Kerajaan MADANI iaitu FlySiswa, yakni sebuah program yang bertujuan mensubsidi sebahagian kos penerbangan mahasiswa yang ingin pulang ke kampung halaman di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan supaya kosnya tidak begitu membebankan."

"Justeru itu, selain mengumumkan penerusan inisiatif ini, saya juga mengumumkan kenaikan bantuan subsidi ini daripada RM300 kepada RM400 mulai bermula 1 Januari 2025.

"Semoga anak-anak mahasiswa dapat manfaatkannya untuk keluar-ga dan yang tersayang sambil terus memusatkan tumpuan kepada penggunaan bidang dan disiplin yang diceburi," kata Anwar.

Anwar berkata demikian di majlis bersama ribuan mahasiswa di UiTM Shah Alam.

Dalam pada itu, Anwar turut memberi pencerahan kepada keperluan untuk memperkuat kesatuan kenegaraan yang tidak boleh sama sekali diremehkan.

"Saya bicarakan bahawa tanggungjawab menegakkan kebenaran atas dasar fakta menjadi begitu terpenting yang mesti dijadikan budi daya oleh anak-anak mahasiswa.

"Dalam menyikapi pelbagai isu semasa yang dekat dengan kita, usah diperangkap dengan naratif yang mengarah kepada kehancuran dan kebinasaan sistem tata masyarakat.



"Sebagai 'conscience of the majority' atau jurubicara rakyat, anak-anak muda terutamanya di kalangan mahasiswa mesti lebih tangkas menegak fakta dan tanam serta benam naratif perkauman yang merosakkan.

"Tidak terhad kepada itu, wujud segelintir gerombolan yang sengaja menanam kebencian atas dasar wilayah, kenegerian dan sebagainya sebagai memaju kepentingan yang tempang.

"Mari bersama kita pupuk budaya kecintaan antara masyarakat, perkukuh kemajmukan sebagai tiang kekuatan, dan semai rasa kasih kepada yang miskin dan melarat," ujar Anwar.





## 10 waris JPKK terima bantuan pengurusan jenazah berjumlah RM30,000

**SEREMBAN:** Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun menyampaikan bantuan pengurusan jenazah kepada 10 waris anggota JPKK Negeri Sembilan yang telah meninggal dunia.

"Saya ambil kesempatan ini mengucapkan salam takziah kepada semua keluarga waris yang terlibat.

"Sumbangan Bantuan Pengurusan Jenazah JPKK merupakan salah satu inisiatif Kerajaan Negeri tahun 2024 sebagai menghargai jasa anggota JPKK yang telah meninggal dunia semasa perkhidmatan.

"Bantuan ini bukan sahaja kepada Pengurus dan Setiausaha JPKK tetapi turut diberikan kepada Ahli Jawatankuasa JPKK yang meninggal dunia semasa perkhidmatan.

"Pada hari ini, seramai 10 orang



waris anggota JPKK telah menerima sumbangan bantuan pengurusan jenazah berjumlah RM3,000 bagi setiap waris JPKK," kata Aminudin.


Aminuddin berkata, secara keseluruhan pada tahun 2024, seramai 20 orang waris anggota JPKK tel-

ah menerima sumbangan Bantuan Pengurusan Jenazah.

"Semoga dengan sumbangan ini dapat meringankan beban yang dihadapi oleh keluarga waris JPKK dan sekali lagi Kerajaan Negeri merakamkan ucapan terima kasih atas sumbangan yang telah diber-

ikan oleh arwah dan mendiang semasa menjalankan tugas sebagai anggota JPKK bagi memastikan segalain inisiatif Kerajaan Negeri dapat disampaikan kepada masyarakat setempat," ujar beliau lagi.

# Daulat Tuanku



**MERAFAK SEMBAH & SETINGGI-TINGGI TAHNIAH  
DYMM YANG DI-PERTUAN BESAR NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS  
TUANKU MUHRIZ IBNI ALMARHUM TUANKU MUNAWIR  
D.K., D.M.N., D.K. (Perak), D.K. (Perlis), D.K. (Selangor), D.K. (Kedah),  
D.K. (Kelantan), D.K. (Johor), D.K. (Terengganu), D.K.Y.R., P.P.T.**

**SEMOGA ALLAH MEMBERKATI PEMERINTAHAN KE BAWAH DULI TUANKU  
SEMPENA HARI KEPUTERAAN KE-77  
PADA  
14 Januari 2025 (14 Rejab 1446H)**

SEMBAH TAKZIM DARIPADA



**Datuk Bandar  
& warga kerja Majlis Bandaraya Seremban**

# Jabatan kerajaan diminta bantu rakyat dapatkan bantuan

**SEREMBAN:** Belanjawan Negeri Sembilan 2025 satu pencapaian yang cemerlang kerana setelah sekian lama, Negeri Sembilan berjaya mencapai belanjawan berimbang dan bukan lagi deficit.

Justeru itu, Exco (Kanan) Pertanian, Keterjaminan Makanan dan Kos Sara Hidup, Dato' Seri Jalaluddin Alias berkata, beliau ingin membawa fokus semua jabatan untuk memanfaatkan segala inisiatif dan peruntukan yang telah diumumkan oleh Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri.

"Kerap kali saya sebutkan bahawa, hala tuju kita cukup jelas, yakni mahu rakyat Negeri Sembilan menerima manfaat semaksima yang mungkin daripada peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Pusat.

"Wang yang kita belanjakan itu haruslah sampai ke



rakyat dengan sehabis baik.

"Kadangkala rakyat di luar sana tidak tahu berkenaan jenis bantuan dan peruntukan yang kita sediakan, jadi jabatan harus bertindak untuk bantu mereka dapatkan bantuan yang layak untuk mereka," jelas Jalaluddin.

Jalaluddin berkata, tahun 2025 yang menjelang tiba merupakan tahun ketiga penggal Kerajaan Perpad-

uan Negeri Sembilan.

"Sebab itu program-program yang dilaksanakan perlu lebih banyak menurus kepada program touch-point kepada rakyat."

"Saya mahu semua jabatan merangka cadangan takwim program bagi tahun 2025 dan hantarkan ke pejabat saya untuk saya buat penyelaras dengan jadualnya,"

"Insya Allah di tahun 2025, Negeri Sembilan akan meriah dengan pelbagai program dan inisiatif kepada rakyat yang berkaitan pertanian dan keterjaminan makanan," ujar beliau.

Jalaluddin berkata demikian semasa mempergerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Bertindak Pertanian, Keterjaminan Makanan dan Kos Sara Hidup yang terakhir bagi tahun 2024 di Majlis Bandaraya Seremban.



## Pelajar IPT Negeri Sembilan dapat bantuan RM1,500 bermula tahun 2025

**SEREMBAN:** Pelajar Institut Pengajian Tinggi dari Negeri Sembilan yang melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah, akan menerima insentif daripada Kerajaan Negeri sebanyak RM1,500 bermula tahun 2025.

Menyertai Pertandingan Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun berkata, bermula tahun 2019 sehingga tahun 2024, anak-anak Negeri Sembilan dengan pendapatan isi rumah RM4,000 ke bawah yang melanjutkan pengajian di peringkat Sijil, Diploma dan Ijazah boleh memohon Bantuan Khas Kemasukan ke IPTA dengan jumlah Sijil: RM 500, Diploma: RM750 dan Ijazah: RM1,000.

"Berdasarkan rekod sehingga November 2024, seramai 2,882 orang pelajar (Sijil 362 orang, Diploma 1,102 orang dan Ijazah 1,412 orang) telah menerima insentif ini.

"Begini juga Bantuan Sara Hidup bagi mahasiswa anak Negeri Sembilan dari keluarga berpendapatan isi rumah bawah RM5,000 dengan jumlah RM150 sebulan (RM1,800 setahun).

"Setakat Disember 2024, seramai 2,537 penerima bantuan ini dari kalangan pelajar diploma dan ijazah di IPTA.

Justeru itu, Aminuddin berkata, bermula tahun 2025, insentif ini tetap diteruskan kerana



mendapat sambutan yang sangat menggalakkan.

"Mengambil kira pelbagai faktor dan keperluan semasa, dengan ini sukacita saya umumkan tambahan RM500 bagi Bantuan Khas Kemasukan ke IPTA (One-off) bagi kategori Ijazah Pengkhususan Bidang STEM (Sciences, Technology, Engineering, Mathematics).

"Jumlah baharu bagi kategori tersebut adalah RM1,500.

"Pertambahan nilai ini adalah bagi menggalakkan lebih ramai pelajar memilih bidang STEM di peringkat Ijazah.

"Insentif ini adalah di bawah Pejabat Menteri Besar dan permohonan boleh dibuat melalui

aplikasi N9 Digital mulai tahun 2025," jelas Aminuddin.

Dalam pada itu, Aminuddin turut mengumumkan bantuan tambahan RM50 sebulan bagi Bantuan Sara Hidup Mahasiswa dari keluarga B40.

"Jumlah terbaru bagi insentif ini adalah RM200 sebulan (RM2,400 setahun) dan sebelum ini RM150 sebulan.

"Insentif ini dikendalikan di bawah Yayasan Negeri Sembilan dan akan bermula pada tahun 2025.

"Permohonan boleh dibuat di laman sesawang <https://www.yns.gov.my/>," kata Aminuddin.



# Daulat Tuanku



**MERAFAK SEMBAH & SETINGGI-TINGGI TAHNIAH**

**DYMM YANG DI-PERTUAN BESAR NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS  
TUANKU MUHRIZ IBNI ALMARHUM TUANKU MUNAWIR**

**D.K., D.M.N., D.K. (Perak), D.K. (Perlis), D.K. (Selangor), D.K. (Kedah),  
D.K. (Kelantan), D.K. (Johor), D.K. (Terengganu), D.K.Y.R., P.P.T.**

**SEMOGA ALLAH MEMBERKATI PEMERINTAHAN KE BAWAH DULI TUANKU  
SEMPENA HARI KEPUTERAAN KE-77  
PADA  
14 Januari 2025 (14 Rejab 1446H)**

SEMBAH TAKZIM DARIPADA

**Pihak Pengurusan,**

**Doktor-doktor Pakar & Seluruh Warga Kerja  
KPJ Seremban Specialist Hospital**

**KPJ Seremban**  
Specialist Hospital

# 62 NADI kini dibuka di Negeri Sembilan

**SEREMBAN:** Sebanyak 62 Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI) kini beroperasi dan dibuka untuk orang ramai di seluruh Negeri Sembilan.

Exco Warisan, Teknologi, Inovasi dan Digital, Dato' Mohd Faizal Ramli berkata, dengan pertambahan 11 NADI baharu menjadikan 62 NADI tersedia untuk dimanfaatkan oleh komuniti bagi meningkatkan taraf hidup, memperkasakan kemahiran diri dan menjadi masyarakat yang lebih proaktif dan inovatif.

Faizal berkata demikian selepas menghadiri Majlis Perasmian NADI Sikamat yang telah dirasmikan oleh Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun bagi inisiatif pelaksanaan 11 NADI baharu Peringkat Negeri Sembilan.

"Suasana meriah dengan pelbagai aktiviti telah diadakan termasuk pendaftaran ahli baharu NADI, NADI X Well-Being, STEM e-Kelas dan Kelas Mikrobit yang dihadiri oleh para pelajar sekitar Sikamat, pembukaan reruai Usahawan NADI dan reruai Klik Dengan Bijak (KDB).

"Seramai 45 Sukarelawan ICT Malaysia atau Malaysia ICT Volunteer (MIV) telah menerima sijil penghargaan bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti kesukarelawan sepanjang tempoh tiga bulan.

"Program Pemerkasaan Sukarelawan MIV Peringkat Negeri Sembilan telah diadakan pada 28 sehingga 29 Ogos 2024.

"Syabas saya ucapan kepada pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) di atas inisiatif ini.

"Semoga kolaborasi bersama ini menjadi asas kepada pembangunan pendigitalan Negeri Sembilan," kata Faizal yang juga ADUN Linggi.

Turut hadir, Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Dato' Mohd Zafir Ibrahim; Pengarah Negeri MCMC Negeri Sembilan, Ts.Md Tahir Musa; Pengarah Kanan, MCMC Wilayah Selatan, Mohamad Rizal Ahmad dan Ketua Pegawai Hal Ehwal MCMC Negeri Sembilan, Bukhari Yahya.



## Empat kolam tadahan air di Nilai didalamkan bagi mengatasi masalah banjir

**SEREMBAN:** Exco Pembangunan Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Pengangkutan Negeri Sembilan, J.Arul Kumar telah meninjau keadaan tiga buah kolam tadahan air di Bandar Hamilton Nilai dan satu lagi kolam tadahan di Desa Jasmin, Nilai.

Beliau berkata, air yang keluar dari tiga kolam tadahan di Bandar Hamilton akan mengalir masuk ke kawasan Pekan Nilai melalui Sungai Batang Labu, Sungai Momor dan Sungai Batang Nilai.

Kolam tadahan Desa Jasmin pula mengeluarkan air dari kawasan tersebut ke Pekan Nilai melalui Sungai Sekah.

Pembangunan pesat yang berlaku di keliling kawasan Pekan Nilai, iaitu Bandar Baru Nilai dan Bandar Hamilton menyebabkan kawasan yang

paling rendah, iaitu Pekan Nilai selalu dinaiki banjir.

"Untuk tindakan jangkamasa pendek, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Seremban telah meminta pemaju Bandar Hamilton untuk mendalamkan lagi kolam tadahan tersebut dan air dikeluaran semasa bukan hujan.

"JPS juga telah mengeluarkan semua air yang bertakung di Kolam Tadahan Desa Jasmin, Nilai.

"Apabila air semua dikeluarkan dan kolam itu didalamkan lagi, semasa hujan, air dapat bertakung dengan kuantiti yang lebih banyak dan air hujan tidak akan terus turun ke Pekan Nilai dan risiko banjir dapat dikurangkan," jelas Arul Kumar.

Arul Kumar yang juga Ahli Dewan



Undangan Negeri (ADUN) Nilai berkata, ini adalah antara tindakan awal yang dilakukan sekarang dan akan diteruskan sehingga beberapa projek yang telah diluluskan peruntukan seperti naiktaraf Kolam Tada-

han Desa Jasmin Nilai, menaiktaraf sistem perparitan Pekan Nilai dan Rancangan Tebatan Banjir Sungai Batang Labu selesai dilaksanakan yang akan membantu mengurangkan risiko banjir di Pekan Nilai.





## Lebih 3,000 pengunjung meriahkan Sikamat Fest

**SIKAMAT:** Sikamat Fest telah diadakan buat julung kalinya dan program rakyat ini telah mendapat sambutan daripada lebih 3,000 pengunjung dari sekitar DUN Sikamat.

Menteri Besar, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sikamat berkata, dengan anggaran lebih 3,000 pengunjung, sudah pasti berbagai memori indah dicipta bersama di samping melayani celoteh dan gelak tawa anak-anak kecil yang turut meriahkan suasana.

"Dalam pada itu, berbagai aktiviti ri-

ahad turut dianjurkan seperti pertandingan mewarna, futsal, dam, congkak, memancing, permainan galah panjang, cabutan bertuah dan berbagai acara lagi bagi mengeratkan ukhwah sesama masyarakat.

"Tidak lupa gerai-gerai menjual pelbagai jenis makanan dan minuman serta untuk anak-anak kereta permainan Hot Wheels yang dijual dengan harga yang amat murah.

"Insya Allah jika ada kesempatan program ini bakal dianjurkan semula pada tahun hadapan," kata Aminudin.



## Tanah terbiar diusahakan jadi sawah padi, kurangkan kebergantungan kepada beras import



**KUALA PILAH:** Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan sedang berusaha memulihkan ka-

wasan tanah sawah yang terbiar dan kawasan yang berpotensi untuk diusahakan tanaman padi.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Dato' Seri Mohamad Sabu berkata, usaha ini difokuskan di luar kawasan jelapang padi seperti di Negeri Sembilan, Melaka dan Johor.

"Kita juga di peringkat merancang untuk menubuhkan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Selatan merangkumi Negeri Sembilan, Melaka dan Johor.

"Kawasan terbiar yang boleh diusahakan sebagai sawah padi di Negeri Sembilan, Melaka dan Johor memang banyak.

"Semestinya ia memerlukan sistem pengairan yang secukupnya," ujar beliau.

Mohamad berkata, usaha bersama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri ini dilakukan bagi mengurangkan kebergantungan

kepada beras import.

"Selain itu Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) sedang berusaha agar hasil pengeluaran padi kepada lima musim dua tahun bermula Januari 2025.

"Sarawak akan menjadi jelapang padi yang besar pada masa akan datang kerana Kerajaan Negeri Sarawak memperuntukkan RM500 juta untuk tahun ini.

"Sarawak berazam pada tahun 2030, bekalan beras dari negeri itu cukup untuk penduduk Sarawak," jelas Mohamad.

Mohamad berkata demikian di program Lawatan Turun Padang ke Projek Tanaman Padi di Negeri Sembilan di Skim Padi Terachi Batu 14, Kampung Gedang, Kuala Pilah.

# Bantuan Perkahwinan Anak Negeri Sembilan bantu pengantin baharu

**SIKAMAT:** Seramai sembilan pengantin baharu menerima Bantuan Perkahwinan Anak Negeri Sembilan sebanyak RM500 daripada Menteri Besar, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun.

Turut menerima sumbangan kewangan ialah 17 warga emas dan 23 pelajar Institut Pengajian Tinggi.

Aminuddin yang juga ADUN Sikamat berkata, kesemua penerima ini adalah dari DUN Sikamat dan adalah diharapkan bantuan ini akan meringankan beban perbelanjaan penerima.

Dalam pada itu, Fatin Syahira Musa yang merupakan salah seorang penerima Bantuan Perkahwinan Anak Negeri Sembilan mengucapkan terima kasih di atas sumbangan tersebut.

"Hari ini saya berada di



Surau Taman Coral Height untuk mengambil sumbangan bantuan belia berkahwin.

"Saya berterima kasih kepada Dato' Seri Utama Aminuddin di atas bantuan

ini.

"Semoga bantuan ini dapat diteruskan, kerana ini akan membantu anak muda pada awal alam perkahwinan," kata Fatin Syahira.

Aiman Izzuddin Abu Zarin mengucapkan terima kasih kepada Aminuddin di atas pemberian bantuan perkahwinan.

"Terima kasih Dato' Seri Utama Aminuddin di atas bantuan ini.

"Sumbangan perkahwinan ini sedikit sebanyak meringankan beban majlis perkahwinan.

"Saya harap bantuan ini diteruskan pada masa akan datang agar lebih ramai belia yang ingin berkahwin dapat manfaat," ujar Aiman Izzudin.

Nur Adlina Amron berharap bantuan perkahwinan ini diteruskan pada masa akan datang.

"Terima kasih kepada Dato' Seri Utama Aminuddin kerana memberi sum-

bang kewangan perkahwinan kepada kami.

"Terima kasih kerana bantuan ini membantu kami membuat persiapan perkahwinan kami," katanya.

Muhamad Eizad Syammil Ahmad, turut mengucapkan terima kasih kepada Aminuddin di atas penerimaan bantuan perkahwinan ini.

"Terima kasih Kerajaan Negeri dan Dato' Seri Utama Aminuddin kerana memperkenalkan bantuan perkahwinan untuk belia.

"Bantuan ini sedikit sebanyak membantu meringankan perbelanjaan awal perkahwinan dan sekaligus membantu kurangkan beban kewangan keluarga," jelas Muhamad Eizad.



Keceriaan Warga Emas Pengajian Tinggi & Bantu Anak Negeri Sembilan



Pengajian Tinggi & Bantu Anak Negeri Sembilan

# DYMM Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan lambang perpaduan rakyat



DR. MOHD FAUZI FADZIL

Timbalan Pengerusi Biro Pendidikan  
Majlis Belia Malaysia

**DULI** Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Muhriz ibni Almarhum Tuanku Munawir telah dimasyurkan sebagai Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan yang ke-11 pada 29 Disember 2008 di Balairong Seri, Istana Besar Seri Menanti, Kuala Pilah. Ke Bawah Duli Tuanku telah ditarik pada 26 Oktober 2009.

Menjelang tangular 14 Januari 2025, usia Ke Bawah Duli Tuanku menjengah 77 tahun dan pada tahun yang sama juga pemerintahan baginda di Negeri Sembilan mencecah 17 tahun.

Selama Negeri Sembilan berada di bawah pemerintahan baginda, pelbagai usaha untuk membangunkan negeri tercinta ini telah dilakukan namun perkara yang paling serius yang diberi perhatian adalah ke arah perpaduan dalam kalangan rakyat berbilang kaum.

Data oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2023 mencatatkan jumlah penduduk di Negeri Sembilan menjangkau sehingga 1,199,974 orang, taburan kaum juga agak sekata di semua daerah merangkumi etnik Melayu (63.3 peratus), Cina (21.9 peratus), India (14.3 peratus) dan lain-lain (0.5 peratus).

Jika diteliti maka jelas kelihan bahawa usaha Ke Bawah Duli Tuanku memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat Negeri Sembilan sepanjang pemerintahannya adalah menggunakan tiga bidang penting iaitu pendidikan, kesenian dan budaya, serta perayaan.

Usaha perpaduan dalam bidang pendidikan dapat dilihat melalui kedudukan baginda selaku Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Contohnya, baginda telah mewujudkan Kursi Diraja Canselor Tuanku Muhriz bagi memperkuuh penyelidikan dalam bidang perubatan yang membuka peluang kepada semua pakar tanpa mengira bangsa dan agama untuk menyandang kursi ini.

Justeru, penyandang pertama untuk jawatan tersohor ini telah dianugerahkan kepada Dr. Chim C.Lang.

Keterbukaan Ke Bawah Duli Tuanku dalam mengiktiraf pencapaian akademik rakyatnya melalui merit dan bukannya latar belakang demografi dan identiti memberi mesej kepada seluruh masyarakat tentang hak sama rata yang sewajarnya dinikmati oleh semua.

DYMM Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Muhriz ibni Almarhum Tuanku Munawir, juga turut menggunakan peluang dalam setiap titah baginda untuk mendidik rakyat-



nya supaya tidak terjerumus ke dalam jerat perkauman dan agama oleh sesetengah pihak yang tidak bertanggungjawab demi mendapat perhatian dan sokongan masyarakat.

Usaha ini juga dapat dilihat secara jelas semasa Istiadat Pengurnian Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Negeri Sembilan sempena Hari Keputeraan Ke-75.

Melalui titah ucapannya, Ke Bawah Duli Tuanku telah mengingatkan semua lapisan masyarakat bahawa kepelbagai kaum, adat resam dan latar belakang agama yang wujud di Malaysia bukanlah satu halangan kepada pembentukan masyarakat yang harmoni dan bersatu-padu.

Selain itu, usaha perpaduan dalam bidang kesenian dan budaya pula boleh dilihat melalui kehadiran baginda dalam setiap perlaksanaan program yang berbentuk kesenian serta budaya.

Walaupun baginda kini mempunyai keterbatasan dari segi umur dan kekuatan fizikal untuk turut serta dalam aktiviti sedemikian, namun baginda tetap hadir meraikan program-program yang dianjurkan sebagai tanda sokongan.

Sokongan ini dilihat melalui kehadiran ke program pelancaran 'Lagu Identiti Negeri Sembilan'.

Majlis tersebut merupakan usaha menyatukan rakyat Negeri Sembilan melalui satu identiti khas dalam bentuk lagu yang mengangkat keunikan kebudayaan Negeri Sembilan.

Sebanyak enam buah lagu telah dihasilkan melalui program tersebut dengan harapan ia dapat membantu rakyat Negeri Sembilan menghargai keunikan dan kepelbagai latarbelakang yang ada di negeri tercinta ini.

Di samping itu, penerapan agenda

daripada agama yang berlainan termasuklah Rumah Terbuka Tahun Baru Cina dan Majlis Rumah Terbuka Deepavali yang dianjurkan Kerajaan Negeri Sembilan.

Setiap sambutan majlis tersebut mampu menarik kehadiran pengunjung melebihi 5,000 orang yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat, budaya dan agama.

Masyarakat di Negeri Sembilan pelbagai kaum akan berpeluang berkenalan dan bermesra antara satu sama lain semasa sambutan perayaan tersebut dalam bentuk makanan dan kesenian.

DYMM Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Muhriz ibni Almarhum Tuanku Munawir, juga telah menitahkan agar Majlis Rumah Terbuka anjuran Kerajaan Negeri turut diadakan di luar Seremban.

Baginda mahu melihat seluruh daerah Negeri Sembilan disantuni dan mesej perpaduan melalui platform perayaan ini dapat diraikan oleh masyarakat Negeri Sembilan secara keseluruhan.

Contoh terbaik ialah Majlis Rumah Terbuka yang diadakan sepanjang tahun 2024 apabila Rumah Terbuka Aidilfitri disambut di Port Dickson, Rumah Terbuka Tahun Baru Cina dianjurkan di Bahau dan Rumah Terbuka Deepavali diadakan di Tampin.

Sambutan Hari Kebangsaan Peringkat Negeri Sembilan juga turut dijadikan platform perpaduan oleh Ke Bawah Duli Tuanku kerana ia merupakan perayaan kebangsaan yang mampu menyemarakkan semangat patriotik pelbagai lapisan masyarakat.

Majlis tersebut biasanya berjaya menarik kehadiran lebih 20,000 orang di Padang Majlis Bandaraya Seremban (MBS).

Sambutan Hari Kebangsaan yang diadakan melibatkan lebih 80 kontingen merangkumi 5,000 peserta perbarisan dan dimeriahkan dengan bacaan ikrar Rukun Negara yang diketuai oleh YAB Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun.

Secara kesimpulannya dapat dilihat sepanjang pemerintahan DYMM Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Muhriz ibni Almarhum Tuanku Munawir memayungi Negeri Sembilan, keadaan perpaduan dalam kalangan rakyat semakin utuh dan sentuhan baginda dalam bidang-bidang utama melibatkan perpaduan rakyat merupakan keputusan yang tepat.

Menjelang Hari Keputeraan Baginda yang bakal tiba tidak lama lagi, seluruh rakyat berharap agar Ke Bawah Duli Tuanku dan DYMM Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan, dilimpahkan rahmat dan kesihatan untuk terus menerusi dan memayungi Negeri Sembilan ke arah perpaduan yang lebih harmoni.



# Renungan kebangkitan Arab



**SUWAIBAH  
MOHD SUJAK**

Sekolah Pembangunan Kerja Belia dan Komuniti (SPKB)

## Bahagian 1

**KEBANGKITAN** Arab (Arab Spring) bermula 2011 dengan teori dominonya dilihat rata-rata oleh pemerhati sebagai gagal.

Bagi penulis cabuk ini, ia tidak gagal, tetapi belum benar menang selama mana sistem yang curang masih dibenarkan.

Kanta para pemerhati yang merasakan ia gagal juga dapat disorot benar salahnya.

Fenomena kebangkitan Arab walaupun menumbangkan seorang diktator di beberapa negara, tidak pun berhasil menamatkan keperitan dihadapi rakyat, lebih buruk akan melahirkan seorang diktator baharu.

Di Mesir rakyat berhasil membuang diktator Mubarak, Muhammad Morsi naik sebagai presiden yang terpilih secara sah, namun hanya beberapa waktu berkuasa sebelum dirampas al-Sisi, seorang jeneral angkatan tentera yang berpihak kepada rakyat yang turun ke jalanan sebagai protes kelembapan Morsi menangani masalah diwarisi pasca revolusi.

Manakala, Tunisia, tanah yang membenihkan 'Arab Spring' juga tidak beruntung.

Bermula peristiwa seorang

pemuda yang membakar dirinya dengan menyimbah minyak pada 17 Disember 2010 akibat tekanan hidup yang tidak tertampung.

Ia membawa maraknya api kemarahan rakyat yang protes di jalanan sehingga berhasil menumbangkan Presiden Zainal Abidin.

Rakyat bersabung nyawa, putus hidup dan hilang keluarga, presiden negara pula kemudian lari mencari perlindungan di Arab Saudi.

Proses demokrasi berlangsung dengan Libya mendapat presiden baru yang diharapkan dapat menyelesaikan masalah lama.

Namun, tiada apa yang dapat diharapkan. Demonstrasi selepas revolusi bersambung pada tahun 2021 sehingga dilaporkan seorang penjaja membakar diri akibat tekanan hidup, mengingat peristiwa yang sama 10 tahun sebelum-

nya.

Sampai hari ini ketegangan masih berlaku di kalangan rakyat marhaen.

Keuntungan kepada mereka masih belum tiba. Di Yaman, Arab Spring yang seperti api marak sampai membakar rakyat ke jalanan memberi tekanan besar kepada Presiden, Ali Abdullah Saleh.

Beliau mengalah, pemerintahannya ditamatkan pada tahun 2012. Sehingga kini, Yaman masih belum aman.

Paling tragis, Muammar Ghadafi, singa Arab-Afrika yang memerintah Libya selama 42 tahun, terbunuuh di tangan rakyat sendiri.

Dengan sumber kekayaan yang ada pada Libya, negara tanpa pemerintahan itu direbut oleh dua pasukan yang mendakwa mereka sebagai pemerintah yang sah dengan campur tangan kuasa-kuasa

asing di belakang mereka.

Pemerintahan yang telah di dukung PBB dikenal sebagai Government of National Unity/GNU bermarkas di Tripoli, di barat.

Saingannya ialah Dewan Perwakilan Rakyat, berpengkalan di timur, di Tobruk.

Ada lagi? Assad jadi manusia diktator terakhir yang terguling dalam rantaian kebangkitan Arab yang tidak dapat menahan amarah rakyat.

Beberapa hari lepas, Assad juga tumbang dan sekarang hidup dalam perlindungan dan mengharap ihsan Russia.

Satu ketika, tidak ada sesiapa daripada kalangan simpatisan dan pemerhati yang merasakan rakyat Syria akan dapat menumbangkan manusia terjahat ini.

Regim Assad dengan sokongan Russia dan Iran nampak mudah mematahkan gerombolan rakyat.

Namun, kuasa Allah siapa tahu.

Kebangkitan Arab ini turut memasukcampurkan pandangan dan keberpihakan alim ulama.

Antara yang paling diingati, al-Bouti dan al-Qaradawi yang nampaknya berseberang, seorang memihak establishment, seorang anti-establishment.

Hujah tokoh agama ini kita baca dan hormati pandangan kedua-duanya.

**(Bersambung)**



## Enam projek kecil dilaksana dengan peruntukan RM150,000



Sebanyak enam projek kecil telah dilaksanakan di DUN Nilai pada tahun 2024.

**ADUN Nilai**, J.Arul Kumar berkata, enam projek kecil tersebut dilaksanakan dengan jumlah peruntukan sebanyak RM150,000 demi kemudahan dan keselesaan masyarakat setempat.

"Projek ini melibatkan memasang pagar keliling Padang Futsal Taman Bunga Raya Mantin dan memasang pagar keliling Padang Futsal Desa Jasmin, Nilai."

"Turut dibina tembok penahan banjir di Kampung Sungai Mahang dan menurap kawasan lapang di hada-

pan Pusat Operasi Ambulance St. John, Kampung Baru Nilai.

"Dua lagi projek ialah menurap jalan ke Tanah Perkuburan Pekan Mantin serta menukar bumbung baharu di Dewan Terbuka Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK), Nilai," jelas Arul Kumar.



## 21 keluarga mangsa banjir dibantu Ismail



Sebanyak 21 buah keluarga terjejas banjir kilat yang berlaku di Kampung Temeris.

**ADUN Senaling**, Dato' Ismail Lasim berkata, kesemua mangsa banjir telah diberi sumbangan.

"Ini bagi meringankan beban mereka yang mengalami kerugian akibat banjir."

"Dalam pada itu, saya juga turut melawat beberapa lagi kawasan di Felda Kepis Kampung Dioh, Seberang Pekan."

"Alhamdulillah, tiada sebarang kemalangan yang berlaku dan kesemua 24 buah keluarga selamat kembali ke rumah masing-masing," kata Ismail.



## Suhaimi mahu KRT Pekan Kota disegani semula



**ADUN Kota**, Suhaimi Aini mahu Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Pekan Kota aktif dan disegani.

Suhaimi berkata, suatu ketika dahulu KRT Pekan Kota disegani dengan keaktifan melaksanakan program dan aktiviti untuk masyarakat setempat.

"Hari ini telah berlangsung Program Hari keluarga KRT Pekan Kota di Kuala Sungai Baru, Melaka.

"Ini permulaan yang baik untuk KRT Pekan Kota kembali aktif dengan kebersamaan yang ada antara pengurus dan di kalangan Ahli Jawatankuasa KRT.

"Saya yakin KRT ini akan kembali berada di landasan yang terbaik dan disegani suatu ketika nanti, In syah Allah."

"Kesepakatan ini akan memberi

kesan yang baik untuk masyarakat di sekitar Pekan Kota khususnya dan seluruh daerah Rembau amnya," kata Suhaimi.

Turut hadir bersama Penolong Pegawai Perpaduan Rembau, Encik Syukri dan Pengurus JPKK Pekan Kota.



## Rajasekaren turun padang tinjau aduan pencemaran bau



**ADUN Sri Tanjung**, Dr.G.Rajasekaren telah turun padang bagi meninjau aduan pencemaran bau.

Rajasekaren berkata, bau tersebut berasal daripada sebuah kilang proses baja kompos di kawasan itu.

"Ia membuatkan orang ramai berasa kurang selesa serta boleh mendatangkan risiko untuk kesihatan penduduk sekitarnya."

"Selepas pemeriksaan dilakukan bersama dengan agensi kerajaan, kita mendapati bahawa kaedah pengurusan yang tidak mematuhi piawaian yang menyebabkan bau busuk tersebut terhasil."

"Selain itu, lokasi kilang yang berhampiran dengan kawasan perumahan dan sekolah juga menyebabkan ketidakselesaan kepada masyarakat."

"Tindakan undang-undang akan diambil terhadap pemilik kilang tersebut."

"Dalam pada itu, saya juga menyertu kerjasama orang ramai yang mempunyai sebarang aduan untuk menyalurkannya ke Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD) dengan menghubungi nombor telefon, hadir ke pejabat atau melalui laman sesawang SISPAA," kata Rajasekaren.

## 30 keluarga mangsa banjir terima peralatan elektrik daripada Adnan



Seramai 28 Ketua Isi Rumah (KIR) dari Kampung Temeris dan dua KIR dari Felda Kepis menerima peralatan elektrik daripada **Ahli Parlimen Kuala Pilah**, Dato' Adnan Abu Hassan.

"Sedia maklum 30 keluarga ini terkesan dengan kejadian banjir baru-baru ini.

"Banjir ini menyebabkan beberapa peralatan elektrik di rumah masing-masing rosak.

"Justeru itu, selain daripada sumbangan bantuan makanan, saya

juga menyumbang peralatan elektrik seperti periuk nasi, pengisar (blender), thermos masak air panas, dapur gas dan kipas angin.

"Saya berharap sumbangan ini sedikit sebanyak meringankan beban keluarga-keluarga ini," kata Adnan.

Dalam pada itu, Adnan turut menyerahkan dua unit 'water jet' kepada JPKK Kampung Temeris.

"Sumbangan ini diberikan bagi memudahkan urusan pembersihan rumah yang terjejas akibat banjir pada masa hadapan," ujar beliau.



## Mangsa kemalangan terima sumbangan kewangan daripada Faizal



Bapa Angkat DUN **Bagan Pinang**, Dato' Mohd Faizal Ramli telah memberikan sumbangan kewangan kepada seorang mangsa kemalangan jalan raya, Tarmizi di Bagan Pinang.

Mohd Faizal berkata, sumbangan tersebut bagi membantu meringankan beban kos perubatan beliau.

"Saya mendoakan agar beliau diberi kesembuhan seperti sedia kala.

"Saya juga berkesempatan singgah di Pusat Khidmat Rakyat DUN Bagan Pinang untuk berjumpa masyarakat yang memerlukan bantuan.

"Insha Allah saya permudahkan semua urusan mereka," kata Faizal.

## Jualan Ladang Nismilan Prihatin dapat sambutan



Program Jualan Harga Ladang Nismilan Prihatin yang diadakan di Taman Sri Mawar mendapat sambutan menggalakkan daripada penduduk setempat.

**ADUN Seremban Jaya**, P.Gunasekaren berkata, penduduk sudah mula berkumpul seawal 8.30 pagi dan semua barang telah habis dijual kira-kira jam 11.00 pagi.

"Antara barang asas yang menjadi pilihan dan keutamaan yang dijual ialah beras (RM13.00/sekolilo), ikan mambong (RM10.00/sekolilo), ayam (RM13.00/sekolilo), telur (RM10.00/satu pa-pan), sayur-sayuran (RM2.00 hingga RM5.00) dan min-yak masak paket (RM 2.00/sepket).



"Program ini dijalankan setiap bulan dan disetiap 36 DUN bagi membolehkan penduduk setempat dan sekitar berpeluang membeli barang keperluan asas yang dijual 20 hingga 30 peratus lebih murah dari harga pasaran.

"Jualan ini memberi manfaat kepada masyarakat untuk membeli barang keperluan asas dengan harga yang lebih murah dan diharapkan ini sedikit sebanyak dapat meringankan beban kos sara hidup masa kini," kata Gunasekaren.

Turut sama menjayakan program ini ialah Ahli Majlis Bandaraya Seremban, Jamilah Said Ali; Pengurus KRT Taman Sri Mawar, Effi serta Pembantu Ahli Majlis Bandaraya Seremban, P.Minnal dan Kamala.

## SK Rahang terima enam unit Smart TV 55 inci daripada Cha



**Ahli Parlimen Rasah**, Cha Kee Chin menyumbang enam unit Smart TV 55 inci berjenama Panasonic kepada Sekolah Kebangsaan (SK) Rahang.

"Saya telah menyerahkan cek peruntukan Ahli Parlimen Rasah bernilai RM15,000 kepada Guru Besar Sekolah Kebangsaan Rahang, Tuan Aris Yusof.

"Peruntukan ini adalah untuk membekalkan enam unit Smart TV 55 inci berjenama Panasonic.

"Adalah diharapkan sumbangan Smart TV ini membantu dan mempertingkatkan proses pengajaran

dan pembelajaran di sekolah ini," ujar beliau.

Dalam pada itu, Cha juga telah menghadiri Majlis Penutupan Program Sukan Ria Perpaduan 2024 anjuran KRT Taman Bukit Chedang 1.

"Saya turut menyerahkan cek peruntukan Ahli Parlimen Rasah yang bernilai RM2,000 kepada Pengurus KRT sebagai tanda sokongan kepada penganjuran program ini.

"Adalah diharapkan sumbangan ini sedikit sebanyak menampung kos penganjuran program masyarakat ini," kata Cha.





# Pelajar SPM Negeri Sembilan terlibat banjir terima RM500

**SEREMBAN:** Pelajar yang menduduki Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), yang terkesan dengan kejadian banjir pada minggu lepas, akan menerima sumbangan kewangan daripada Kerajaan Negeri Sembilan.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun berkata, calon SPM yang terlibat dengan banjir yang dipindahkan ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) akan menerima sumbangan sebanyak RM500 seorang

dari pihak Kerajaan Negeri. "Kerajaan Negeri juga bersetuju menyumbang RM1,000 kepada semua Ketua Isi Rumah (KIR) keluarga mangsa banjir yang ditempatkan di PPS. "RM1,000 adalah

tambahan kepada sumbangan RM1,000 yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan.

"Ini bermakna, setiap KIR yang terkesan dengan banjir dan dipindahkan ke PPS akan menerima sumbangan kerajaan

berjumlah RM2,000 setiap keluarga," jelas Aminuddin.

Aminuddin berharap, sumbangan ini sedikit sebanyak meringankan beban keluarga mangsa banjir termasuk pelajar SPM.

## Pelajar Tingkatan Enam terima Bantuan Awal Persekolahan RM150 bermula 2025

**PUTRAJAYA:** Bantuan Awal Persekolahan akan diberikan kepada pelajar Tingkatan 6 buat kali pertama pada kadar RM150 setiap pelajar pada Sesi Persekolahan 2025/2026.

Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek berkata, Bantuan Awal Persekolahan yang diperkenalkan

kerajaan pada tahun 2012 untuk meringankan beban kewangan ibu bapa atau penjaga anak Tahun Satu hingga Tingkatan Lima.

"Sisi bantuan ini penting sebagai usaha untuk terus memastikan anak-anak kita diberikan bantuan yang sewajarnya untuk meneruskan pendidikan

dalam arus perdana.

"Bantuan RM150 itu akan memberi manfaat kepada lebih 100,000 pelajar dengan kerajaan menanggung implikasi kewangan kira-kira RM15 juta.

"Agihan bantuan ini kepada pelajar Tingkatan

Enam sedia ada akan dilaksanakan pada Februari 2025, manakala pelajar baharu pula akan menerima pada Julai tahun hadapan.

"Perluasan Bantuan Awal Persekolahan kepada pelajar Tingkatan Enam adalah cerminan keprihatinan Kerajaan

MADANI untuk meringankan beban kewangan ibu bapa dan penjaga dalam membuat persediaan keperluan persekolahan anak-anak," ujar Fadhlina.

Fadhlina berkata, inisiatif ini juga membuktikan komitmen berterusan Kementerian Pendidikan untuk terus memperkasakan pendidikan Tingkatan Enam.

"Ia adalah satu langkah ke hadapan untuk menggalakkan pelajar memilih pendidikan Tingkatan Enam," katanya.



## Jom kenal DELIMa

DELIMa merupakan pelantar pembelajaran dalam talian yang menawarkan perkhidmatan sistem pengurusan pembelajaran serta bahan-bahan rujukan pembelajaran untuk kegunaan pelajar dan guru.

DELIMa boleh diakses pada bila-bila masa dan di mana sahaja hanya dengan menggunakan peranti yang mempunyai capaian Internet. Bagi mengakses DELIMa,

pelajar dan guru perlu log masuk menggunakan ID DELIMa yang boleh didapat melalui guru kelas atau pentadbir sekolah.

Tambah lagi, ID ini juga boleh digunakan oleh murid dari sekolah rendah hingga ke peringkat Matrikulasi/Tingkatan Enam.

Akses pelantar DELIMa dengan beberapa langkah mudah berikut:

1. Pastikan peranti mempunyai capaian internet.

2. Layari <http://d2.delima.edu.my>

3. Log masuk dengan menggunakan ID yang dibekalkan oleh pihak sekolah.

Terokai sekarang!

The screenshot shows the main interface of the DELIMa app. At the top, there's a banner with the text 'Jom Kenal DELIMa' and the Malaysian coat of arms. Below the banner, there are three main sections: 'APAKAH ITU DELIMa?', 'APAKAH KELEBIHAN MENGGUNAKAN DELIMa?', and 'APA KANDUNGAN DALAM DELIMa?'. Each section contains text and small icons. The bottom of the screen shows a footer with logos for various sponsors including Gemini, Unicef, Google, Microsoft, Intel, and Maxis.

# Pembangunan pelajar tidak seharusnya berakhir dengan buku

**SRI TANJUNG:** Asas pendidikan pelajar tidak seharusnya terhad kepada membaca, menulis dan mengira (3M), kata Ahli Dewan Undangan Negeri Seri Tanjung, Dr.P.Rajasekaran.

"Ia tidak mencukupi jika pelajar mempelajari ini sahaja.

"Pendidikan tidak seharusnya berakhir dengan buku semata-mata.

"Kunci pembangunan holistik pelajar ialah kurikulum tambahan di luar sempadan pendidikan," ujar Rajasekaran ketika Majlis Perasmian Sukan Tahunan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Ladang St Leonard.

Menurut Rajasekaran, beliau telah mengadakan perbincangan dengan Guru Besar SJKT Ladang St Leonard baru-baru ini.

"Guru Besar mahu mengadakan

aktiviti seperti permainan boling (Boling Mini) dan memanah (Aktiviti Memanah) di sekolah.

"Ini akan mewujudkan peluang besar untuk pelajar kita dalam pendidikan dan sukan jasmani.

"Aktiviti sebegini akan memupuk minda yang tenang, perhatian dan kesabaran yang lebih kepada pelajar," ulas Rajasekaran.

Justeru itu, Rajasekaran meminta semua pihak menyokong inisiatif baharu seperti ini di sekolah.

"Pelajar menunjukkan bakat mereka dan mencapai pencapaian yang lebih tinggi.

"Mari kita sama-sama memberi inspirasi kepada pelajar bermain dalam acara hari ini dan menghargai usaha mereka.

"Marilah kita menunjukkan kualiti sukan yang hebat dan



membangunkan sekolah kita dengan prinsip yang lebih tinggi," ujarnya.

Sementara itu, Rajasekaran berkata, sukan adalah bahagian penting dalam pendidikan, kerana ia membantu meningkatkan kesihatan fizikal dan membangunkan kerja berpasukan dan kemahiran yang bersatu padu.

"Peluang ini untuk pelajar menunjukkan kebolehan mereka.

"Sukan bukan sahaja pembakar semangat kita kepada kejayaan, tetapi juga membantu kita untuk belajar daripada kegagalan.

"Belajar dari setiap kegagalan adalah pelajaran penting yang perlu anda gunakan untuk berjaya.

"Jadi, penting untuk menyertai pertandingan, kejayaan atau kegagalan adalah perkara lain," kata Rajasekaran.

## Politeknik Port Dickson diiktiraf Institusi TVET terbaik Asia Pasifik

**PORT DICKSON:** Politeknik Port Dickson, Negeri Sembilan telah mendapat pengiktirafan Platinum oleh Asia Pacific Accreditation and Certification Commission (APACC) sebagai institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) terbaik di Asia Pasifik.

Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Ahmad Zahid Hamidi berkata, ini merupakan satu kejayaan yang amat membanggakan kerana APACC merupakan badan akreditasi yang dihormati di rantau Asia Pasifik khususnya dalam bidang TVET.

"Pengiktirafan daripada APACC bukan sahaja melambangkan kualiti dan keunggulan pendidikan yang ditawarkan, tetapi juga membawa makna bahawa standard institusi kita kini diiktiraf di peringkat antarabangsa.

"Saya berharap agar pencapaian ini dapat menyuntik semangat dan inspirasi kepada semua institusi TVET di Malaysia untuk terus berinovasi dan mencapai kecemerlangan yang lebih tinggi, seiring dengan agenda TVET Negara dalam meningkatkan kualiti



hidup graduan dan membina masyarakat yang berkemahiran tinggi.

"Sekali lagi, syabas dan tahniah kepada Politeknik Port Dickson! I'm really proud of this.

"Semoga ia menjadi pembakar semangat untuk kita terus maju dalam membina masa depan yang lebih gemilang. Insyah Allah," kata Ahmad Zahid.

# Anwar lancar kereta EV Proton e.MAS 7



KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim telah melancarkan model kereta elektrik (EV) sulung keluaran Proton yakni e.MAS 7 dalam suasana penuh bersejarah buat industri automotif negara.

"Kejayaan ini amat penting dan tepat pada masanya dalam usaha Kerajaan mewujudkan pemungkinan kepada era mobiliti rendah karbon.

"Dalam ucapan, saya singgung bahawa sinergi rakan atau perkongsian

strategik seperti yang telah terbentuk antara syarikat seperti DRB-HICOM dan GEELY menjadi contoh bahawa Malaysia adalah sebuah negara perdagangan yang bebas.

"Negara berusaha untuk beralih kepada ekonomi

berpendapatan dan berteknologi tinggi dengan menyediakan barang bernilai tinggi untuk rantau ini serta seluruh dunia.

"Saya turut mengumumkan PROTON e.MAS 7 akan turut

digunakan semasa acara-acara rasmi sepanjang ASEAN 2025 dan langkah ini sekali gus menonjolkan usaha Malaysia dalam mempromosikan pembangunan EV dan komitmen ke atas Karbon Sifar Bersih 2025," kata Anwar.

## Malaysia - Thailand teroka inisiatif baharu, kukuhkan hubungan dua hala

PUTRAJAYA: Lawatan rasmi Perdana Menteri Thailand, Paetongtarn Shinawatra ke Malaysia cukup bermakna apabila kedua-dua negara sepakat memastikan semua projek yang dipersebutui bersama di sempadan siap pada masa ditetapkan.

Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim berkata, antara projek itu adalah penjajaran jalan raya menghubungkan Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Bukit Kayu Hitam dengan Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin

(CIQ) Sadao di Thailand.

"Turut menjadi fokus adalah projek pembinaan jambatan kedua menghubungkan Rantau Panjang, Kelantan dengan Sungai Golok di Narathiwat, yang pastinya akan memberi manfaat dalam pelbagai aspek kelak.

"Sebelum itu, saya dan Paetongtarn sempat menyaksikan pertukaran dua Memorandum Persefahaman (MoU) mengenai Kerjasama Kebudayaan, Seni dan Warisan serta MoU mengenai Pembangunan Industri Getah dan

Kerjasama Ekonomi," kata Anwar.

Perkara itu dimaklumkan dalam sidang media Anwar bersama Paetongtarn usai mesyuarat dua hala antara kedua-dua negara berjiran ini.

Dalam pada itu, Anwar dan Paetongtarn telah mengadakan pertemuan tertutup membincangkan beberapa perkara terkait kepentingan antara dua negara.

"Kami kemudian mengetuai delegasi masing-masing

dalam mesyuarat dua hala dan juga Rundingan Tahunan Malaysia-Thailand Ke-7 (7th Annual Consultation – AC) bersempena lawatan sulung Paetongtarn ke negara ini sejak memegang tumpukan kerajaan pada Ogos lalu.

"Natijahnya, kami membulatkan tekad mengulangi kerjasama dan hubungan erat antara kedua-dua negara yang berlandaskan kepentingan bersama dan kesalinghubungan ekonomi, dalam konteks dua hala dan ASEAN.

"Menuju ke hadapan, kolaborasi sedia ada akan terarah kepada bidang ekonomi, keselamatan dan kerjasama sempadan, serta meneroka inisiatif-inisiatif baharu untuk mengukuhkan lagi hubungan dua hala.

"Saya percaya Malaysia dan Thailand akan memanfaatkan hubungan erat terjalin bagi menerokai kerjasama strategik ketika ini dan juga di masa hadapan bagi melonjak pertumbuhan ekonomi kedua-dua negara," jelas Anwar lagi.





## KAMPUNG ANGKAT MADANI: Kampung Kuala Serdang dapat projek RM2.5 juta



**KUALA PILAH:** Kampung Kuala Serdang mendapat limpahan projek pembangunan berjumlah RM2.5 juta di bawah inisiatif Kampung Angkat MADANI yang ideanya dicetuskan oleh Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim.

Peruntukan RM2.5 juta ini termasuk kerja-kerja naik taraf balai raya, Tadika KEMAS dan taman permainan kanak-kanak.

Selain itu projek ini turut melibatkan kerja-kerja naik taraf perpustakaan desa, membina pintu gerbang, pengukuhan tebing serta pengindahan Sungai Muar di Kampung Kuala Serdang, kerja naik taraf sistem saliran di Kampung Purun dan di Kampung Pulau Jelebu.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli yang ditemui Negeri Kita berkata, kadang-kadang pentadbir yang menjawat jawatan politik banyak

dibebankan dengan kerja-kerja pentadbiran dan terlepas pandang keperluan di kampung.

"Ini asas yang diletakkan oleh Perdana Menteri, apabila setiap kementerian pilih satu kampung, setiap ketua setiausaha pilih satu kampung.

"Kita buat satu landasan tambahan supaya keperluan penduduk itu dapat dipertimbangkan terus daripada melepas pelbagai peringkat pentadbiran.

"Kalau tidak mereka daripada Pejabat Daerah Kuala Pilah kena pergi Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK), daripada SUK kena pergi kementerian-kementerian berkenaan.

"Kementerian-kementerian berkaitan pula kena pergi ke Kementerian Ekonomi, maka proses itu jadi lambat," jelas Rafizi.

### Rafizi percaya Kampung Angkat MADANI diteruskan

Rafizi menambah, selalunya perkara-perkara yang mungkin keperluan utama penduduk tetapi mungkin dilihat bukan senarai keutamaan.

"Jadi perkara itu diterjemahkan melalui inisiatif Kampung Angkat MADANI, Sejati MADANI.

"Justeru itu, Kementerian Ekonomi buat sendiri inisiatif kemudahan rakyat.

"Kita berharap jumlah projek-projek kecil dapat dilipat gandakan.

"Ada kesan yang baik berbanding kalau kita bergantung semata-mata kepada kaedah pentadbiran yang lama.

"Saya percaya inisiatif ini akan diteruskan pada tahun hadapan," kata Rafizi.

### Aminuddin menyambut baik projek pembangunan desa

Dalam pada itu, Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun menyambut baik inisiatif Kampung Angkat MADANI.

"Semestinya saya gembira kerana salah sebuah kampung dari Negeri Sembilan terpilih di bawah projek Kampung Angkat MADANI.

"Alhamdulillah projek bernilai RM2.5 juta telah dilaksanakan di Kampung Kuala Serdang.

"Saya berharap inisiatif ini diteruskan ke kampung-kampung yang lain di Negeri Sembilan pada tahun hadapan," ulas Aminuddin.

## Khutbah Jumaat

# **KEBERSAMAAN DALAM KELAINAN**

TARIKH: 20 Disember 2024 SUMBER: Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS)

Islam tidak pernah membezakan mana-mana bangsa, warna kulit, keturunan maupun rupa paras seseorang.

Oleh itu, Islam juga melarang kita daripada menyisihkan atau mengasingkan golongan Orang Kurang Upaya (OKU) serta sentiasa menekankan agar mereka diberi perhatian khusus dan layanan istimewa.

Dalam sirah, Nabi Muhammad SAW pernah ditegur oleh Allah Azzawajalla kerana mengutamakan komunikasi bersama pembesar Quraisy berbanding dengan sahabat yang bernama Sayidina Abdullah bin Umm Maktum yang cacat penglihatan.

Kisah ini dirakamkan dalam Surah 'Abasa mulai ayat yang pertama sampai ayat keenam belas.

Meskipun Baginda SAW tidak berhasrat meminggirkan OKU, namun peristiwa ini berlaku mungkin untuk memberikan pengajaran kepada kita semua agar tidak mengabaikan golongan yang istimewa ini.

Islam turut mendorong golongan OKU untuk menonjolkan potensi diri dalam mencapai kejayaan dalam pelbagai bidang seperti akademik, sukan, ekonomi, kemahiran, pertanian, perniagaan dan lain-lain setanding dengan individu normal.

Namun, usaha untuk menggilap potensi mereka bukanlah suatu perkara yang mudah.

Kerjasama padu daripada semua pihak, bermula daripada individu itu sendiri, keluarga, masyarakat sampailah kerajaan amat diperlukan bagi menghormati kemuliaan serta hak OKU sebagai insan.

Menurut Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Akta 685), Orang Kurang Upaya (OKU) ditakrifkan sebagai individu yang mempunyai kekurangan jangka panjang dari segi fizikal, mental, intelektual atau deria yang menyebabkan wujudnya halangan ketika berinteraksi dengan persekitaran, sekali gus menyekat penyertaan penuh mereka secara normal dalam masyarakat atau komuniti tertentu.

Di Malaysia, golongan OKU telah dikategorikan kepada tujuh kategori utama, iaitu pendengaran, penglihatan, pertuturan, fizikal, pembelajaran, mental dan ketidakupayaan pelbagai.

Bagi memastikan golongan OKU tidak dipinggirkan daripada menerima proses intervensi yang sewajarnya, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah merekodkan statistik pendaftaran OKU melalui Sistem Maklumat Orang Kurang Upaya (SMOKU) sehingga bulan Oktober 2024.

Statistik ini menunjukkan seramai 740,844 individu telah berdaftar sebagai OKU.

Namun, bilangan ini hanya mewakili dua peratus daripada jumlah keseluruhan populasi negara.

Dalam usaha untuk melahirkan golongan Orang Kurang Upaya (OKU) yang berdaya tahan dan mampan, marilah kita bersama-sama menggembungkan tenaga dan usaha untuk memperkasa mereka tanpa memandang kepada ketidakupayaan atau keterbatasan yang ada pada mereka.

Setiap peranan dan sumbangan komuniti ini perlu diiktiraf dan dihargai.

Sebagai sebuah masyarakat yang prihatin dan penyayang, kita perlu menerima kehadiran golongan ini dengan seadanya serta membantu mereka menjalani kehidupan yang lebih baik.

Kita hendaklah yakin bahawa mereka juga mempunyai peranan penting jika diberi peluang dan ruang yang sewajarnya.

Oleh itu, mereka perlu diberikan ruang yang luas supaya dapat duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan individu lain yang sempurna sifatnya.

Antara langkah yang boleh diambil untuk memelihara kepentingan OKU termasuklah:

Pertama: Menyediakan kemudahan yang mesra OKU di tempat-tempat awam seperti dewan kuliah, bilik darjah, kawasan rekreasi, tempat ibadah, tempat rehat, kawasan meletak kenderaan dan tandas.

Kemudahan ini penting bagi memastikan akses yang selesa serta memudahkan pergerakan golongan ini dalam menjalani aktiviti harian.

Kedua: Menyediakan peluang pendidikan dan latihan yang dirangka khusus mengikut keperluan mereka.

Langkah ini termasuk memperbanyak institusi pendidikan serta pusat latihan yang mampu membantu OKU menjadi insan celik huruf dan celik ilmu, sekali gus meningkatkan keyakinan diri dan potensi mereka.

Ketiga: Mewujudkan peluang pekerjaan yang sesuai dengan keadaan dan kebolehan mereka agar mereka berasa dihargai dalam masyarakat.

Ini bukan sahaja dapat meningkatkan keyakinan diri mereka, malah mendorong mereka untuk lebih berdikari dan menyumbang kepada pembangunan negara.

Keempat: Meluaskan penyebaran bahan bacaan dalam tulisan Braille, termasuk ke kawasan desa.

Usaha ini penting untuk memperkayakan khazanah ilmu pengetahuan bagi golongan kurang upaya penglihatan dan memastikan mereka tidak ketinggalan dalam arus pendidikan dan maklumat.

Kelima: Memupuk dan mengamalkan sifat kasih sayang dalam kalangan ibu bapa serta anggota keluarga yang mempunyai anak kurang upaya.

Yakinlah bahawa setiap ujian yang diberikan oleh Allah SWT mengandungi hikmah dan ganjaran besar bagi mereka yang menghadapinya dengan penuh kesabaran, ketabahan dan keredhaan.

Keenam: Menghargai dan menyayangi golongan kurang upaya dengan memberikan bantuan, sokongan, serta dorongan yang bersesuaian.

Sumbangan dalam bentuk derma dan usaha yang mendatangkan kebaikan amat penting untuk memastikan kebajikan dan kesejahteraan golongan ini terus terpelihara.



Foto: RIZAL ZAWAWI

# Negeri Sembilan johan Mahrajan Al-Quran Sekolah-Sekolah Peringkat Kebangsaan



**SEREMBAN:** Kontingen Negeri Sembilan berjaya membawa pulang kejayaan dan dinobatkan sebagai Johan Keseluruhan Sekolah Rendah, Johan Keseluruhan Sekolah Menengah dan buat julung kalinya muncul sebagai johan Mahrajan Al-Quran Sekolah-Sekolah (MQSS) Tahun 2024 di peringkat Kebangsaan.

Menteri Besar, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun berkata, untuk MQSS Tahun 2024, SBPI Gopeng telah diamanahkan sebagai sekolah pengelola dan sebanyak 17 acara telah dipertandingkan, semuanya berkaitan dengan Al-Quran, hafazan, Qiraat, Tahfiz, kuiz

Ilmu Wahyu dan sebagainya.

"Pencapaian cemerlang ini tidak mungkin dapat diraih tanpa berkat doa, usaha dan sokongan daripada semua pihak khususnya dorongan daripada ibu bapa.

"Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada anak-anak mengharumkan nama Negeri Sembilan.

"Kejayaan yang dikecapi ini adalah usaha dan keazaman yang tidak berbelah bahagi.

"Saya berharap agar kita semua akan terus

bekerjasama bagi mengekalkan kejuaraan ini, malah melangkah lebih jauh dengan usaha yang lebih giat dan terancang," kata beliau.

Aminuddin berkata demikian di Majlis Kecemerlangan Mahrajan Al-Quran Sekolah-Sekolah (MQSS) Tahun 2024 di Klana Resort, Seremban.











































































"Majlis ini diadakan bagi menghargai terhadap usaha dan kecemerlangan anak-anak dalam menghayati serta mendalam keindahan Al-Quran," ujar Aminuddin.

## BANTUAN BANJIR: Terima kasih pembayar infak dan fidyah

**JEMPOL:** Timbalan Setiausaha (Operasi) Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS), Dato' Nor Azmi Musa telah menziarahi pelajar-pelajar Maahad Tahfiz Raudhatul Quran Ibrahimiyah, Serting Tengah, Batu Kikir yang terjejas akibat banjir semalam.

"Maahad yang berdaftar dengan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) dan beroperasi di atas tanah wakaf MAINS ini telah menerima sumbangan infak daripada orang ramai berjumlah RM10,000 beserta agihan beras melalui dana fidyah.

"Saya juga telah menziarahi 15 buah keluarga di Kampung Dato' Johan dan Kampung Air Dedali, Batu Kikir yang turut terjejas akibat banjir dan menyampaikan sumbangan melalui dana infak MAINS.



# Jalaluddin harap sektor pertanian beri manfaat kepada rakyat Negeri Sembilan

**SEREMBAN:** Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sembilan telah selesai membentang dan meluluskan Belanjawan 2025.

EXCO (Kanan) Pertanian, Keterjaminan Makanan dan Kos Sara Hidup Negeri Sembilan, Dato' Seri Jalaluddin Alias berkata, untuk Belanjawan Kerajaan Pusat 2025, dengan nilai RM421 bilion yang merangkumi RM335 bilion perbelanjaan mengurus dan RM86 bilion untuk perbelanjaan pembangunan.

"Bagi Belanjawan Negeri Sembilan 2025 yang bernilai RM590 juta, yang mana RM135 juta adalah untuk Anggaran Belanja Pembangunan.

"Bagi tahun 2025, harapan saya amat tinggi supaya semua program berdasarkan portfolio pertanian ini dapat dirancang dengan lebih baik, menyeluruh dan memberi manfaat yang lebih berganda kepada rakyat dengan semaksima mungkin.



"Di kesempatan ini juga saya ingin mengambil kesempatan merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada YAB Menteri Besar atas kelulusan peruntukan sebanyak RM3 juta untuk pembinaan Pavilion Negeri Sembilan di MAHA.

"Alhamdulillah, sepanjang tahun ini, kita telah sukses menganjurkan beberapa program yang menyusur kehendak rakyat seperti FAMA FEST (23 – 26 Mei), NS FEST (28 Julai-3 Ogos), MAHA (11 – 22 September) dan Program Agrofest di



Daerah-Daerah seluruh Negeri Sembilan.

"Tahniah diucapkan kepada semua pihak yang telah bertungkus lumus menjayakannya," kata Jalaluddin.

Jalaluddin berkata demikian semasa mempergerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Bertindak Pertanian, Keterjaminan Makanan dan Kos Sara Hidup yang terakhir bagi tahun 2024 di Majlis Bandaraya Seremban.

## Petani, penternak dan nelayan terjejas banjir akan dibantu

**SEREMBAN:** EXCO (Kanan) Pertanian, Keterjaminan Makanan dan Kos Sara Hidup, Dato' Seri Jalaluddin Alias telah meminta Jabatan Pertanian Negeri Sembilan untuk menubuhkan satu Pasukan Bantuan Banjir Pertanian di negeri ini sebagai satu langkah drastik daripada jawatankuasa bertindak ini untuk membantu petani, penternak dan nelayan yang terjejas banjir di negeri ini.

"Pasukan ini akan diselaraskan oleh Pengarah Pertanian Negeri Sembilan.

"Saya juga telah mohon pegawai-

pegawai Jabatan Pertanian, Jabatan Veterinar, Jabatan Perikanan yang ada di lapangan untuk buat semakan segera jumlah pengusaha yang terkesan dengan banjir, jumlah kerugian yang ditanggung, dan apa bentuk bantuan yang boleh disalurkan kepada mereka.

"Pihak Jabatan perlu memanfaatkan segala bentuk bantuan yang ada untuk membantu mangsa-mangsa yang terkesan ini.

"Kurangkan karenah birokrasi, dan permudahkan segala urusan mereka.

"Saya mahu jabatan di bawah portfolio saya mesra dengan rakyat dan dikenali dengan sebab servis dan perkhidmatan yang baik," kata beliau.

Jalaluddin berkata demikian semasa mempergerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Bertindak Pertanian, Keterjaminan Makanan dan Kos Sara Hidup yang terakhir bagi tahun 2024 di Majlis Bandaraya Seremban.



**TEBU**

UKM  
KKM

## RUANG IKLAN UNTUK DISEWA

HUBUNGI  
0105392654

# Suara perlawanan angkatan anak muda Melayu terpelajar

## BAHAGIAN 5

Dr.Burhanuddin al-Hilmi, Ibrahim Yaacob, Ahmad Boestaman, Pak Sako antara kelompok terpelajar Melayu terawal yang bergelumang dalam gerakan politik melalui penubuhan Kesatuan Melayu Muda pada tahun 1937 dan Parti Kebangsaan Melayu Malaya beberapa tahun selepasnya.

Namun, gerakan ini sering dicap sebagai subversif dan dikenakan sekatan demi sekatan kerana dituduh membawa fahaman kiri atau komunis.

Mereka lebih senang dengan pendekatan tidak berdiplomasi dengan British.

Sesudah mereka adalah angkatan anak-anak bangsawan atau feudal yang kelak menubuhkan UMNO dan gabungan Parti Perikatan untuk merebut kemerdekaan tanah air.

Di atas robohan kota Melaka,  
Kita dirikan jiwa merdeka,  
Bersatu padulah segenap baka,  
Membela hak keadilan pusaka.

Itulah bagaimana kemerdekaan dapat dicapai oleh mereka yang telah ditentukan Allah.

Tidak kira siapa yang memulai, yang berada pada garisan yang tepat dan masa yang tepat dan tempatnya yang telah ditentukan masing-masing oleh kudrat kuasa Allah.

Semuanya demi satu tujuan yang satu, cinta dan keghairahan untuk melihat tanah air bebas dan berdaulat.

Tarikh 31 Ogos 1957 dan detik-detik selepasnya tidak hanya dirayakan di Tanah Melayu sahaja.

Getaran bahawa persaudaraan serumpun dan sekandung itu justeru menebal di tanah air yang bernama Indonesia hari ini.



Sebagai bekas wilayah yang mempunyai persamaan sejarah, budaya dan darah yang sama, seorang putera, ulama, pengarang besar di sana telah menurunkan sumbangsihnya dalam Kenang-Kenanganku di Malaya yang terbitkan pada tahun 1957 secara khusus untuk merayakan bersama hari besar, Tanah Melayu merdeka.

Beliau ialah Haji Abdul Malik Karim Amrullah (Buya Hamka), demi cintanya kepada tanah air walaupun sudah terbahagi sempadan politik, beliau tidak surut memandang daripada kacamata sempit.

Dalam karangannya itu, beliau mengesani bahawa tidak syak lagi Malaya dan Indonesia itu sebuah kesatuan juga atas ikatan batin walaupun secara zahir terpisah oleh sempadan geopolitik moden.

Kesamaan agama, bahasa, budaya, nilai sosial menjadi tali pengikat.

Yang membezakan adalah nasib politik asbab pengalaman penjajahan masing-masing.

Penggemar karya Hamka akan menemui cinta di mana-mana sahaja buah karangan beliau.

Cinta adalah modal beliau mengarang.  
Labanya adalah persaudaraan.

Sudah tentu, mencintai bukanlah semestinya memiliki.

Gagasan negara raya yang berdasarkan cita-cita dan perasaan kesatuan tanah air walaupun tidak dapat dimiliki, tetapi tetap hidup dicintai.

Alam Melayu ini tetaplah sebuah negara raya walaupun dipetakkan kepada beberapa negara moden hari ini.

(bersambung)



**MUHAMAD HANAPI JAMALUDIN**  
Presiden Benevolent

**CEGAH PENYAKIT ACUTE GASTROENTERITIS (AGE)**

AGE biasanya dikaitkan dengan agen penyebab bawaan makanan dan air

**Tanda / Gejala AGE**

- Sakit perut
- Cirit-Birit
- Pening
- Loya/ muntah

**PENCEGAHAN AGE**

- Cuci tangan dengan sabun air bersih sebelum makan atau menyediakan makanan
- Cgunakan bekalan air yang terawat
- Minum air yang dimasak
- Pastikan air yang dibeli dari mesin jual air telah dimasak sebelum digunakan
- Guna tandas dengan sempurna
- Pastikan bekas simpanan air juga dalam keadaan yang bersih

UKK KKM Agensi Nasional Pangan Malaysia Selandia MADANI MADANI

# Acute Gastroenteritis

Acute Gastroenteritis (AGE) ialah keradangan pada lapisan usus yang berpunca daripada jangkitan.

Kebanyakan jangkitan disebabkan oleh virus, namun ia juga boleh berpunca daripada bakteria atau parasit.

Ia tersebar melalui makanan atau air tercemar dan kemudian berhubung dengan individu yang berjangkit.


Penyakit AGE boleh dicegah dan dielakkan sekiranya anda mengamalkan kebersihan diri dan persekitaran.

Ketahui tanda dan gejala AGE serta cara-cara untuk mencegah jangkitan penyakit AGE.

Sekiranya anda mengalami gejala yang dinyatakan segera dapatkan rawatan di klinik atau hospital berhampiran anda dengan segera.

## BELANJAWAN NEGERI SEMBILAN 2025 -

Bonus 2 bulan pada awal tahun akan meringankan 'budget' penjawat awam yang mempunyai anak yang bersekolah dan persiapan sambutan Aidil Fitri.



Skim pinjaman kenderaan tanpa faedah ini satu kelebihan dan banyak penjimatan berbanding pinjaman bank yang mengenakan faedah.




Sudah semestinya Skim pinjaman komputer riba tanpa faedah ini akan membantu penjawat awam yang menyambung pengajian.




## BELANJAWAN NEGERI SEMBILAN 2025 -


Guru KAFA Tulen Negeri Sembilan yang cuti bersalin 2 bulan, buat kali pertama akan menerima bayaran setengah bulan eluan.



Jasa dan pengorbanan seorang ibu sangat besar dan tinggi, nilainya kepada kita.



Terima kasih MBNq! Syukur. Aamiin.



megat  
negerikita

# Teroka Daerah: JEMPOL

## Bukit Taisho

Setelah tujuh daerah selesai diterokai, akhirnya daerah terakhir iaitu Jempol.

Jempol merupakan sebuah daerah yang menawarkan pelbagai tarikan unik, daripada keindahan alam semula jadi, tempat mengopi dan lokasi makan.

Oleh itu, mari bersama dengan saya untuk meneroka tempat-tempat menarik yang terdapat dalam daerah ini.



### 1. Bukit Taisho

Jika anda mengimpikan untuk melihat awan karpet, Bukit Taisho ini sangatlah sesuai bagi tujuan tersebut.

Bukit ini juga mempunyai trek yang santai dan sesuai

bagi mereka yang mahu mencuba mendaki bukit.

### 2. Air Terjun Serting Ulu

Air terjun yang terletak di Serting Ulu ini adalah permata tersembunyi yang memberikan ketenangan dari kesibukan harian; dengan air yang jernih dan suasana yang mendamaikan, ia sesuai untuk aktiviti berkelah atau sekadar merendam kaki.

Setelah penat mendaki dan bermain air, sudah tentu perut akan mengeluarkan berbunyi bagi memberi isyarat bahawa ia perlu diisi.

Terdapat dua lokasi makan yang menarik untuk dicuba apabila anda berada di Jempol ini.

### 1. Dapo Kampung Salai

Dapo Kampung Salai ini terkenal dengan masakan salai seperti itik dan daging yang dimasak lemak cili api.

Bagi mereka yang ingin

mencuba masakan tradisional Negeri Sembilan, anda dialu-alukan untuk datang ke lokasi ini.



### 2. Mehwan Gulai Kawah

Kedai ini pernah tular di media sosial kerana harganya yang murah disamping keenakan masakannya.

Salah satu menu istimewa yang terdapat di kedai ini adalah gulai ikan patin yang sangat mengoda.

Oleh itu, anda semua disarankan untuk singgah ke kedai ini bagi mencubanya sendiri.

Walau bagaimanapun, tidak lengkap Teroka Daerah

selagi tiada kedai kopi untuk dikunjungi.

Di sini, terdapat dua jenama yang sangat tidak asing dalam kalangan masyarakat kita hari ini, terutamanya penggemar kopi.

Dua jenama tersebut adalah 'Zus Coffee' dan juga Kopi Saigon.

Dengan itu, lengkaplah edisi Teroka Daerah bagi lapan daerah yang terdapat dalam Negeri Sembilan ini.

Oh ya, jika terdapat dalam kalangan pembaca yang ingin mempromosikan perniagaan anda boleh emelkan sahaja ke [aschrafedzwani@gmail.com](mailto:aschrafedzwani@gmail.com).

Semoga kita berjumpa lagi!

**Edzwan Ashraf**

# PEMERKASAAN WANITA: Kelas kuih talam dan deko kek di Felda Palong 2

**PALONG:** Gerakan Persatuan Wanita (GPW) Felda Palong 2 dengan kerjasama Pejabat Exco Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri Sembilan telah mengadakan kelas membuat kuih talam dan deko kek di Felda Palong 2.

Exco Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Noorzunita

Begum Mohd Ibrahim berkata, program ini diadakan di bawah Inisiatif Kerajaan Negeri Sembilan bagi bidang tumpuan Pemerksaan Wanita.

"Tahniah atas usaha GPW Felda Palong 2 yang telah berjaya melaksanakan program ini.

"Semoga memberi manfaat

buat para ibu di sini dalam mempelajari teknik dan cara menghasilkan kuih talam.

"Adalah diharapkan inisiatif ini sebagai satu langkah untuk menjadi usahawan yang berjaya," kata Noorzunita.



## Skuad Ihsan MADANI Wanita KEADILAN santuni mangsa banjir Negeri Sembilan



Wanita Keadilan Pusat terus mempergiatkan inisiatif menghantar sumbangan barang serta menyantuni mangsa-mangsa banjir melalui Skuad Ihsan MADANI Wanita KEADILAN ke negeri-negeri yang terkesan.

Antara barang yang telah diagihkan untuk mangsa-mangsa banjir termasuklah kit makanan kering, beras, susu bayi, lampin pakai buang serta pelbagai lagi keperluan yang bersesuaian untuk mangsa-mangsa banjir tersebut.

Selain daripada barang tersebut, turut disediakan untuk mangsa-mangsa banjir adalah kit wanita emas, kit kebersihan, kit ibadah serta kit kanak-kanak.

Pengumpulan barang sumbangan tersebut telah digerakkan secara aktif oleh

Ketua Wanita KEADILAN Pusat, Fadhlina Sidek dengan kerjasama para penyumbang daripada pelbagai pihak yang prihatin terhadap misi berkenaan.

Terbaru, Fadhlina menyasarkan pemberian sumbangan kepada mangsa-mangsa banjir di Negeri Sembilan iaitu dari daerah Jempol, Tampin dan Port Dickson.

Skuad Ihsan Wanita Madani yang diketuai oleh Pengurus Biro Mobilisasi Wanita KEADILAN Pusat, Aidawaty Paiman telah menyerahkan sumbangan tersebut untuk mangsa-mangsa banjir Jempol dan Tampin.

Turut serta dalam skuad tersebut ialah Ketua Wanita KEADILAN Negeri Johor, Zuraidah Zainab Mohd Zain, Ketua Cabang

Tangga Batu (Melaka) Mahani Masban bersama kumpulan sukarelawan misi tersebut.

Barangan sumbangan berkenaan disampaikan kepada Ketua Wanita KEADILAN Negeri Sembilan, Noorzunita Begum Mohd Ibrahim yang juga Exco Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri Sembilan.

Turut hadir, Ketua Wanita KEADILAN Cabang Jempol, Shahida Ayub dan sukarelawan misi banjir daerah tersebut serta wakil daripada Wanita KEADILAN Tampin.

Dalam pada itu, Fadhlina turut mengerakkan bantuan kepada 19 mangsa banjir di Kampung Jimah Lama, Port Dickson.

Penyampaian sumbangan sambil menyantuni

mangsa-mangsa banjir di kampung tersebut diwakili oleh Ketua Wanita KEADILAN Cabang Port Dickson, Rosmawaty Che Ros.

Turut bersama dalam program tersebut Pengurus MPKK Kampung Jimah Lama, Hayusmidza Abdul Malek serta sukarelawan misi banjir daerah berkenaan.

Mengulas mengenai misi banjir itu, Rosmawaty berkata, bantuan daripada Fadhlina menceriakan mangsa-mangsa musibah kampung tersebut.

"Mereka mengucapkan terima kasih kepada YB Fadhlina di atas keprihatian memberi sumbangan barang yang diperlukan.

"Mereka gembira kerana ada pemimpin wanita yang peka terhadap

mangsa musibah banjir dan sudi menghulurkan sumbangan," katanya.

Sebelum itu, Skuad Ihsan Madani Wanita KEADILAN telah menjelajah ke Pantai Timur dan Utara bagi menyampaikan sumbangan serta menyantuni mangsa-mangsa ke daerah yang terkesan akibat bencana tersebut.

Sejak Skuad Ihsan Madani Wanita KEADILAN diaktifkan, lebih 4,000 mangsa-mangsa banjir telah disantuni serta menerima sumbangan daripada Ketua Wanita KEADILAN Pusat dan para penyumbang yang turut membantu melaksanakan misi tersebut.

**NORAINI NORDIN**  
Ketua Penerangan Wanita KEADILAN Pusat

# Pangkalan haram sempadan ditutup, Thailand hormati keputusan Malaysia

**SONGHLA:** Pihak berkuasa Thailand menyatakan penghormatan terhadap langkah Malaysia menutup pangkalan haram di sempadan Kelantan-Songkhla, dalam usaha memperketat kawalan di kawasan persempadan.

Komander Tentera Darat Bahagian Ke-4 Thailand, Leftenan Jeneral Paisan Nusang menyifatkan keputusan tersebut sebagai langkah positif yang selaras dengan undang-undang.

"Undang-undang perlu dihormati oleh semua pihak.

"Rakyat kedua-dua negara harus menggunakan laluan sah yang diwartakan bagi mengelakkan masalah," katanya dalam satu kenyataan semasa sidang media khas yang diadakan di Songkhla, baru-baru ini.

Menurut beliau, tindakan pihak berkuasa Malaysia itu telah mengakibatkan penahanan beberapa rakyat Thailand yang melintasi sempadan melalui pangkalan haram di Sungai Golok.

Mereka kini ditahan di Depot Tahanan di Tanah Merah.

## Penyeludupan jadi fokus utama

Paisan turut mengakui bahawa penggunaan pangkalan haram sejak sekian lama oleh penduduk setempat telah mencetuskan pelbagai masalah, khususnya aktiviti penyeludupan yang sukar dikawal.

"Penutupan pangkalan ini memberi kesan kepada sektor pelancongan dan perniagaan di kawasan sempadan.

"Namun, ia adalah keputusan tepat demi keselamatan bersama.

"Kami akan berbincang dengan pihak berkuasa Malaysia untuk mencari penyelesaian terbaik.

"Walaupun terdapat rungutan daripada pihak tertentu, langkah ini dilihat perlu untuk memastikan kawasan sempadan lebih terkawal," jelasnya.

## Thailand sebagai transit pendatang

Mengulas isu kemasukan pendatang tanpa izin ke Malaysia, Paisan memaklumkan bahawa Thailand sering menjadi transit utama, khususnya bagi etnik Rohingya dari Myanmar.

"Pendatang ini menjadikan Thailand sebagai laluan untuk memasuki Malaysia.

"Kebanyakan mereka mencari peluang pekerjaan dan kehidupan lebih baik, berikutan keadaan di negara asal mereka yang tidak stabil," katanya.

Larangan melintasi sempadan melalui laluan haram telah diumumkan oleh Ketua Polis Kelantan, Dato' Mohd Yusoff Mamat, pada November lalu dan berkuat kuasa 1 Disember.

## Sindiket dadah antarabangsa

Paisan turut menegaskan bahawa sindiket pengedaran dadah antarabangsa dikesan menggunakan Malaysia



sebagai transit untuk menyeludup dadah jenis methamphetamine ke Australia dan negara Eropah.

"Dadah ini diproses di kawasan utara Thailand, berhampiran Laos dan Myanmar, sebelum dibawa ke Selatan Thailand dan seterusnya diseludup ke Malaysia melalui Sungai Golok," ujarnya.

Beliau menambah bahawa tiada makmal pemprosesan dadah dikesan di wilayah selatan Thailand, dengan semua dadah dipercayai dihasilkan di utara negara itu.

Tentera Thailand kini mempergiatkan pemantauan di pekan Sungai Golok bagi

mengesan aktiviti sindiket dadah yang cuba lolos ke Malaysia.

"Kami bimbang jika ada pelancong dari Malaysia atau negara lain yang terjebak dalam kegiatan pengedaran dadah ini," kata Paisan sambil menegaskan komitmen pihaknya untuk terus memantau keadaan di kawasan sempadan.

Langkah bersama antara pihak berkuasa Malaysia dan Thailand diharapkan dapat memperkuuh keselamatan serta mengekang jenayah lintas sempadan.

# Kematian di Gaza lebih 45,250 orang

**ANKARA:** Kementerian Kesihatan Palestin dalam satu kenyataan berkata bahawa lebih 45,250 orang meninggal dunia akibat serangan tanpa henti oleh rejim zionis.

"Selain itu, seramai 107,627 orang lagi cedera dalam siri serangan tersebut.

"Ramai yang masih terperangkap di bawah runtuhan jalan raya akibat serangan rejim tersebut yang menyebabkan pasukan penyelamat menghadapi kekangan

bagi membantu mereka," katanya.

Terdahulu, Majlis

Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSC) telah mengeluarkan resolusi

menggesa gencatan senjata segera, walaupun begitu, ia ibarat anjing menyalak bukit kerana

ia tidak diendahkan oleh puak rejim zionis itu.

Memasuki tahun kedua pembunuhan beramai-ramai di Gaza mendapat kecaman daripada seluruh dunia dan semakin meningkat.

Ini disebabkan oleh terdapat pegawai dan institusi yang melabelkan serangan dan menyekat penghantaran bantuan sebagai percubaan yang disengajakan untuk memusnahkan penduduk.



# Permohonan geran dan dana sukan telah dibuka

**PUTRAJAYA:** Selari dengan hasrat untuk merakyatkan sukan melalui pendekatan whole-of-nation, Kerajaan melalui Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah menyediakan beberapa dana untuk meningkatkan prestasi sukan, memburdayakan gaya hidup cergas dan memacu industri sukan negara.

Menteri Sukan, Hannah Yeoh berkata, untuk tahun 2025, tiga dana yang disediakan untuk sukan adalah Geran Padanan Sukan (GPS), Dana Sukan Komuniti (DSK) dan Kumpulan Wang Amanah Sukan Negara (KWASN).

"Susulan daripada sambutan menggal-

akkan dan input yang diterima pada tahun 2024, KBS telah menambah baik mekanisma dan terma rujukan permohonan supaya faedah dana ini dapat meliputi penganjuran aktiviti sukan yang melibatkan 103 jenis sukan seperti yang disenaraikan dalam Jadual Pertama, Akta Pembangunan Sukan 1997 [Akta 576].

"Pelaksanaan inisiatif ini diharap dapat terus menggalakkan pembudayaan sukan dalam kalangan masyarakat, mengupaya kelab/pertubuhan sukan dan seterusnya meningkatkan prestasi atlet melalui penganjuran-penganjuran pertandingan sukan yang kompetitif di pelbagai peringkat," jelas Hannah.



## KUASA DI TANGAN ORANG MUDA

Tahukah anda, perubahan bermula dengan satu langkah kecil?

Rakan Demokrasi menyediakan platform untuk belia memahami dan memainkan peranan dalam demokrasi negara. Daftar sekarang dan mulakan perjalanan anda ke arah perubahan yang bermakna di [www.kuasaorangmuda.com](http://www.kuasaorangmuda.com).

**RAKAN DEMOKRASI:  
KUASA  
ORANG  
MUDA!**

[www.kuasaorangmuda.com](http://www.kuasaorangmuda.com)

**DANA SUKAN KOMUNITI (DSK)**

- Persatuan/ Pertubuhan yang berdaftar di bawah Pejabat Pesuruhjaya Sukan (PJS) atau Pejabat Pendaftrar Pertubuhan Belia (ROY).
- Pelaksanaan program/ aktiviti di peringkat komuniti yang melibatkan program sukan seperti yang tersenarai dalam Perintah Pembangunan Sukan (Pindaan Jadual Pertama) 2023, Akta Pembangunan Sukan 1997.
- Diberikan secara one-off bagi kelulusan bernilai RM10,000 dan ke bawah. Bagi kelulusan melebihi RM10,000, penyaluran akan dilakukan secara berperingkat.

TARIKH PROGRAM	PERMOHONAN DITUTUP PADA	TARIKH KEPUTUSAN
1 Feb - 28 Feb 2025	31 Dis 2024	24 Jan 2025
1 Mac - 14 April 2025	31 Jan 2025	15 Feb 2025
15 Apr - 30 Jun 2025	15 Feb 2025	15 Mac 2025
1 Jul - 31 Ogos 2025	30 Apr 2025	30 Mei 2025
1 Sept - 30 Sept 2025	30 Jun 2025	31 Jul 2025
1 Okt - 31 Okt 2025	15 Ogos 2025	15 Sept 2025

Layari: <https://www.kbs.gov.my/dsk>

**SILA IMBAS**

<https://www.kbs.gov.my/dsk>

**GERAN PADANAN SUKAN (GPS)**

- Penganjuran program sukan prestasi tinggi dan impak tinggi di peringkat Negeri, Kebangsaan dan Antarabangsa yang dilaksanakan dalam negara.
- Persatuan/ kelab/ pertubuhan yang berdaftar di bawah Pejabat Pesuruhjaya Sukan (PJS), Pejabat Pendaftrar Pertubuhan Belia (ROY) atau Jabatan Pendaftrar Pertubuhan Malaysia (ROS).
- Peruntukan secara tuntutan bayaran balik (*reimbursement*) selepas program selesai dilaksanakan.
- Pelaksanaan program berdasarkan kepada jenis sukan yang tersenarai dalam Perintah Pembangunan Sukan (Pindaan Jadual Pertama) 2023, Akta Pembangunan Sukan 1997.

TARIKH PROGRAM	PERMOHONAN DITUTUP PADA	TARIKH KEPUTUSAN
1 Feb - 28 Feb 2025	31 Dis 2024	24 Jan 2025
1 Mac - 14 April 2025	31 Jan 2025	15 Feb 2025
15 Apr - 30 Jun 2025	15 Feb 2025	15 Mac 2025
1 Jul - 31 Ogos 2025	30 Apr 2025	30 Mei 2025
1 Sept - 30 Sept 2025	30 Jun 2025	31 Jul 2025
1 Okt - 31 Okt 2025	15 Ogos 2025	15 Sept 2025

Layari: <https://www.kbs.gov.my/gps>

**SILA IMBAS**

<https://www.kbs.gov.my/gps>

**KUMPULAN WANG AMANAH SUKAN NEGARA (KWASN)**

- Disediakan kepada persatuan sukan yang berkelayakan untuk menganjurkan pertandingan sukan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa termasuk penyertaan atlet dalam kejohanan bertaraf antarabangsa di luar negara.
- Penganjuran/ penyertaan ke kejohanan sukan adalah berdasarkan kepada jenis sukan yang tersenarai dalam Perintah Pembangunan Sukan (Pindaan Jadual Pertama) 2023, Akta Pembangunan Sukan 1997.

TARIKH PROGRAM	PERMOHONAN DITUTUP PADA	TARIKH KEPUTUSAN
1 Jan - 28 Feb 2025	15 Nov 2024	15 Dis 2024
1 Mac - 30 Apr 2025	1 Jan 2025	31 Jan 2025
1 Mei - 30 Jun 2025	1 Mac 2025	31 Mac 2025
1 Jul - 31 Ogos 2025	1 Mei 2025	31 Mei 2025
1 Sept - 31 Okt 2025	1 Jul 2025	31 Jul 2025
1 Nov - 31 Dis 2025	1 Sept 2025	30 Sept 2025

Layari: <https://www.kbs.gov.my/utama-kwasn>

**SILA IMBAS**

<https://www.kbs.gov.my/utama-kwasn>

# Senarai penerima Anugerah MOM dan pemenang Olimpian Tahunan

KUALA LUMPUR: Malam Anugerah Majlis Olimpik Malaysia (MOM) ke-27 telah dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr.Ahmad Zahid Hamidi.

Turut hadir, Menteri Belia dan Sukan, Hannah Yeoh.

Syabas dan tahniah kepada semua penerima Anugerah MOM dan pemenang Olimpian Tahunan.



## SENARAI PEMENANG ANUGERAH MOM KE-27

### Induksi Dewan Kemasyhuran

Pegawai:

- Datuk S. Vegiyathuman - Olahraga
- Allahyarham Datuk Abu Samah Abd. Wahab - Berbasikal

Atlet:

- Khoo Chong Beng - Olahraga
- Mendiang Nellan Vellasamy - Golf

Pasukan Hoki Wanita,  
Temasya Sukan Asia ke-9 Delhi 1982:

- Mary Soo
- Maheswari Kanniah
- Mary Lim
- Teh Siew Bee
- Elizabeth Gomez

- Aninie Yew
- Rawiyah Rawi
- Asma Amin
- Halimathon Yaacob
- Norizan Abd Majid
- Noorlaila Senawi
- Christina Chin
- Yuen Lai Heng
- Lum Sau Foong
- Mendiang Daphne Boudville
- Mendiang Goh Joo Phaik

### Pemenang Anugerah Wanita & Sukan 2024

- Mae Chen

### Pemenang Anugerah Pencapaian Persatuan

- Persekutuan Renang Malaysia
- Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia
- Kesatuan Olahraga Malaysia
- Persatuan Badminton Malaysia
- Persekutuan Snuker dan Biliard Malaysia
- Persekutuan Bina Badan Malaysia
- Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia
- Malaysia Dancesport Federation
- Persatuan Ekuestrian Malaysia
- Konfederasi Hoki Malaysia
- Persatuan Golf Malaysia
- Persekutuan Gimnastik Malaysia
- Persekutuan Karate Malaysia
- Persatuan Muaythai Malaysia
- Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia
- Persekutuan Sukan Boules Malaysia
- Persatuan Pelayaran Malaysia
- Persatuan Sepaktakraw Malaysia
- Persatuan Menembak Kebangsaan Malaysia
- Persatuan Skuasy Malaysia
- Taekwondo Malaysia
- Persekutuan Angkat Berat Malaysia
- Persekutuan Wushu Malaysia

### Pemenang Olimpian Tahunan bagi Sukan SEA Vietnam 2021

Kategori Lelaki – Juwaidi Marzuki daripada Sukan Memanah

Kategori Wanita – Nur Dhabitah Sabri daripada Sukan Terjun

### Pemenang Olimpian Tahunan bagi Sukan SEA Kemboja 2023

Kategori Lelaki – Khiew Hoe Yan daripada Sukan Renang

Kategori Wanita – Tan Cheong Min daripada Sukan Wushu

### Pemenang Olimpian Tahunan bagi Sukan Komanwel Birmingham 2022

Kategori Lelaki – Aniq Kasdan daripada Sukan Angkat Berat

Kategori Wanita – Ng Joe Ee daripada Sukan Gimnastik

### Pemenang Olimpian Tahunan bagi Sukan Asia Hangzhou 2022

Kategori Lelaki – Ng Eain Yow daripada Sukan Skuasy

Kategori Wanita – Sivasangari Subramaniam daripada Sukan Skuasy

### Pemenang Olimpian Tahunan bagi Sukan Olimpik Tokyo 2020

Datuk Azizulhasni Awang daripada Sukan Berbasikal

### Pemenang Olimpian Tahunan bagi Sukan Olimpik Paris 2024

Aaron Chia Teng Fong dan Soh Wooi Yik daripada Sukan Badminton

## Takumi kekal bersama skuad Jang musim depan



**SEREMBAN:** Pemain import Negeri Sembilan Football Club (NSFC), Takumi Sasaki mengumumkan bahawa beliau akan kekal beraksi bersama skuad tersebut bagi satu musim lagi.

Pemain import yang juga ayam tambatan skuad Jang, menunjukkan corak permainan yang sangat bagus dan rajin meskipun prestasi pasukan tersebut hanya berada di tangga tercorot liga.

Beberapa khabar angin juga bertiup sebelum ini yang mengaitkan perpindahan beliau ke pasukan Liga Super yang lain.

Walau bagaimanapun, pengurusan NSFC telah menawarkan kontrak lanjutan kepada beliau untuk kekal di Paroi sekurang-kurangnya satu musim lagi.

Dalam pada itu, terdapat beberapa lagi khabar angin mengatakan bahawa terdapat beberapa pemain import baru kini berada di dalam radar NSFC.

Ini bagi memantapkan semula skuad Rusa untuk menghadapi saingan Liga Super musim hadapan.

# Sukan

Negeri Kita



## FAM umum dua nama teraju utama struktur organisasi baharu Harimau Malaya

Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) akan membuat perubahan dan pembaharuan untuk memantapkan aspek pengurusan, penggunaan teknologi dan perubatan serta melantik jurulatih-jurulatih baharu yang berperanan terhadap para pemain kebangsaan.

Fasiliti pengurusan dan pasukan perubatan akan ditambah baik dan bakal menerima nafas yang baharu di bawah penstruktur semula FAM.

Ini adalah sebahagian insiatif-insiatif serta perubahan bagi melaksanakan struktur organisasi baharu untuk Harimau Malaya.

Justeru, FAM pada hari ini mengumumkan secara rasmi nama dua individu penting yang akan menerajui struktur organisasi baharu skuad Harimau Malaya sebagai permulaan kepada revolusi untuk memperkasakan skuad bola sepak kebangsaan.

Mereka terdiri daripada Peter Cklamovski sebagai ketua jurulatih kebangsaan dan Nafuzi Zain sebagai ketua jurulatih B-23 kebangsaan.

### 1. Ketua Jurulatih Skuad Kebangsaan

Bekas pengurus FC Tokyo, Peter Cklamovski dari Australia dilantik untuk menggalas tugas ini selepas beliau dilihat sebagai seorang jurulatih muda yang berkaliber dalam memastikan skuad Harimau Malaya dapat bersaing lebih hebat di pentas antarabangsa bermula dengan kempenn Kelayakan Piala Asia 2027 pada Mac depan.

Cklamovski yang kini berusia 46 tahun pernah bekerja selama lebih 15 tahun di bawah pengurus Tottenham Hotspur, Ange Postecoglou ketika mereka bersama-sama mengemudi skuad kebangsaan Australia menuju Piala Asia 2015 dan kemudian menuju Liga J1 2019 ketika mereka mengemudi kelab Jepun, Yokohama F. Marinos.

Cklamovski kemudian mengembangkan kariernya sebagai ketua jurulatih apabila dilantik sebagai pengurus



kelab Liga J1, Shimizu S-Pulse pada 2020.

Pada musim 2021, beliau mengambil cabaran untuk menjadi pengurus kelab Liga J2, Montedio Yamagata dan berjaya menyelamatkan kelab tersebut daripada zon penyingkiran, seterusnya bangkit layak ke perlawanan 'playoff' ke Liga J1.

Selepas itu, Cklamovski dilantik pula sebagai pengurus FC Tokyo pada Jun 2023 dan berjaya memberi impak segera menerusi penerapan identiti bola sepak penuh berinspirasi yang menghasilkan kejayaan serta memberikan keterujaan kepada penyokong.

Beliau hadir ke Malaysia untuk menyediakan satu set staf kejurulatihan yang mantap demi memastikan para pemain yang dipanggil ke kem latihan skuad Harimau Malaya diberi tunjuk ajar yang sebaiknya, sekali gus dapat meningkatkan kemampuan dan kemahiran mereka untuk beraksi di perlawanan peringkat antarabangsa.

Sebagai permulaan, misi utama Cklamovski adalah untuk memastikan skuad Harimau Malaya berjaya mengungguli saingan kelayakan Kumpulan F bagi mencapai sasaran layak

ke Piala Asia 2027 di Arab Saudi, selain memperbaiki ranking FIFA untuk menuju ke kedudukan 100 terbaik dunia.

### 2. Ketua Jurulatih Skuad Bawah 23 Kebangsaan

Bekas ketua jurulatih Kedah Darul Aman FC, Nafuzi Zain dilantik menjawat jawatan ini bagi memastikan kesinambungan dalam skuad B-23 kebangsaan yang berperanan sebagai pembekal bakat-bakat muda untuk dinaikkan ke skuad senior kebangsaan.

Kredibiliti Nafuzi yang kini berusia 46 tahun juga ditagih dalam usaha memperkasakan semula skuad B-23 kebangsaan yang kebelakangan ini kelihatan kurang menyinar di pentas antarabangsa.

Rekod dan pengalaman Nafuzi dalam mengendalikan pasukan bawah umur tidak boleh dinafikan apabila beliau berjaya membawa Kelantan menjurai Piala Presiden sebanyak tiga kali iaitu sebagai penolong ketua jurulatih pada 2011 dan 2013 serta sebagai ketua jurulatih pada 2015.

Beliau kemudian menjadi ketua jurulatih skuad Piala Presiden T-Team FC

serta muncul naib juara pada 2016 dan kemudian telah dilantik sebagai penolong ketua jurulatih Terengganu FC pada 2017 hingga 2019.

Nafuzi kemudian mengembangkan kariernya apabila dilantik sebagai ketua jurulatih Terengganu FC pada 2020 hingga 2022 dengan kejayaan meraih tempat ketiga Liga Super 2020 serta naib juara Liga Super 2022 dan Piala FA 2022, selain layak ke Piala AFC.

Selepas bergelar Jurulatih Terbaik Anugerah Bola Sepak Kebangsaan (ABK) 2022, Nafuzi berhijrah untuk menjadi ketua jurulatih Kedah Darul Aman FC pada 2023 dan 2024.

Dengan kehadiran Nafuzi ini, pastinya tugas penting untuk skuad B-23 kebangsaan pada tahun 2025 adalah untuk kembali bangkit pada kempenn Kejuaraan B-23 ASEAN 2025, Kelayakan Piala Asia B-23 2026 dan Sukan SEA 2025 di Thailand.

Kedua-dua individu ini akan mulakan tugas secara rasmi bersama FAM pada 1 Januari 2025.

Selain itu, Ketua Pegawai Eksekutif dan pasukan perubatan berpengalaman baharu akan dilantik bagi membantu penstruktur semula FAM untuk memastikan perjalanan operasi organisasi berjalan dengan lebih cekap serta profesional.

Pasukan perubatan akan mula menggunakan teknologi-teknologi terkini untuk membantu memastikan pemain-pemain Harimau Malaya sentiasa mendapat perkhidmatan dan rawatan perubatan yang terbaik.

Langkah-langkah ini juga diharapkan dapat meningkatkan kualiti pengurusan serta memperkuatkannya kecerdasan pemain dan membantu pemulihran pemain serta memaksimumkan potensi mereka.

Ini merupakan elemen-elemen penting untuk meningkatkan lagi prestasi keseluruhan pasukan kebangsaan.

Butiran lanjut mengenai jawatan-jawatan lain akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.